

BAB V

I'JA:Z BAYA:NIYY DALAM STRUKTUR AYAT AL-QUR'AN

5.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan aspek balaghah yang berkaitan struktur ayat dalam ayat al-Qur'an. Dalam bab ini penulis menghuraikan tiga aspek ilmu ma'a:ni: berkaitan struktur ayat iaitu penegasan, gaya pengkhasan (ta'ri:f) dan tanki:r, serta i:ja:z dan itna:b. Penulis membicarakan aspek-aspek ini sebagai elemen i'ja:z baya:niyy dalam struktur ayat. Dalam setiap fungsi penggunaan penegasan, ta'ri:f dan tanki:r, serta i:ja:z dan itna:b penulis akan menghuraikan persoalan ini berdasarkan contoh-contoh dari al-Qur'an.

5.1 Definisi Ayat

Istilah ayat dalam Bahasa Arab mengalami beberapa perubahan.¹ Pada peringkat awal, sarjana nahu tidak menggunakan istilah ayat sebagaimana yang digunakan sekarang. Si:bawayh (m180H) dalam al-Kita:b langsung tidak menggunakan istilah jumlat (الجملة). Beliau menggunakan istilah kala:m (كَلِمَة) bagi menjelaskan sesuatu yang bermaksud ayat. Menurut Si:bawayh:

“Ketahuilah, saya berpendapat di dalam percakapan Arab, sesuatu yang diperkatakan ialah al-kala:m dan bukan al-qawl.²

¹ Lihat secara terperinci perkembangan istilah ayat dalam bahasa Arab dalam Muhammad Arsyad (2009), *op.cit.*, hal.106-107.

² Sibawayh (1999), *op.cit.* j.1, hal.178.

Selepas Si:bawayh muncul istilah jumlaṭ untuk menggantikan kala:m yang membawa maksud sesuatu yang lebih umum dari ayat.³ Istilah jumlaṭ mula digunakan oleh al-Mubarrid (m285H) dalam hasil garapannya al-Muqtaḍab bagi menggambarkan pengertian ayat.⁴ Namun penggunaan istilah kala:m masih berterusan. Berikut adalah pengertian istilah ayat menurut sarjana Nahu dan Balaghah.

5.1.1 Pengertian Ayat Menurut Sarjana Nahu

Terdapat pelbagai pandangan sarjana berhubung istilah jumlaṭ dan kala:m. Ada ulama yang menyamakan kedua-dua istilah dan ada juga yang membezakannya. Antara sarjana yang menyamakan antara istilah kala:m dan jumlaṭ ialah Ibn Jinniy (m 392H); al-Zamakhsyariyy (m 538H) dan Abu: al-Baqa:’ al-‘Ukbariyy (m 616H) dan Ibnu Ya’ i:syh (m 643H).⁵

Sebagai contoh Ibn Jinny menyebut kala:m sebagai:

لَفْظٌ مُسْتَقِلٌّ بِنَفْسِهِ مُفِيدٌ لِمَعْنَاهُ وَهُوَ الَّذِي يُسَمَّى النُّحَاةَ الْجُمْلَةَ.

“Setiap lafaz yang bebas dan berdiri dengan sendiri serta mempunyai makna yang berfaedah (maksud yang difahami). Ahli-ahli Nahu menamakannya jumlaṭ.”⁶

Perkara ini ditegaskan lagi oleh Ibnu Ya’i:syh dengan menyatakan bahawa al-kala:m menurut ahli-ahli Nahu sebagai satu himpunan lafaz-lafaz yang berdiri dengan sendiri bebas dengan maknanya. Ia dinamakan sebagai jumlaṭ.⁷

³ Abd al-Latīf (1996), *op.cit.*, hal. 19.

⁴ al-Mubarrid(1999), *op.cit.*, j.1, hal.51, 55.

⁵ al-‘Ukbariyy (1995), *op.cit.*, hal.41, Ibn Jinniy (2001), *op.cit.*, j.1, hal. 72, al-Zamakhsyariyy (2001), *op.cit.*, hal.7,

⁶ Ibn Jinniy (2001), *op.cit.*, j.1, hal. 73.

⁷ Ibnu Ya’i:syh (t.t), *op.cit.*, j. 1, hal. 20.

Antara sarjana yang membezakan istilah *jumlah* dengan *kala:m* ialah al-Ra:ḍiyy (m 684H) dan Ibnu Hisya:m (m 761H).⁸ al-Ra:ḍiyy membezakan antara *kala:m* dengan *jumlah*. Menurutnya *jumlah* adalah lebih umum daripada *kala:m*. Ini kerana sandaran yang terdapat dalam *jumlah* ialah gabungan atau pembentukan yang asal dan membawa maksud untuk zatnya dan bukan untuk zatnya. Sebaliknya sandaran yang terdapat dalam *kala:m* ialah pembentukan atau gabungan yang asal dan membawa maksud untuk zatnya sahaja. Maksud bukan untuk zatnya ialah ayat itu bukan maksud utama yang ingin disampaikan.⁹ Sebagai contoh (جَاءَ الَّذِي قَامَ) yang bermaksud “Telah datang orang yang berdiri”. Ayat (جَاءَ الَّذِي قَامَ) dari sudut istilah ialah *kala:m* dan *jumlah*. Manakala ayat قَامَ yang terdiri dari kata kerja dan pelaku (kata ganti nama tersembunyi) dari sudut istilah ialah *jumlah* dan bukan *kala:m*. Ini kerana gabungan yang terdapat dalam ayat ini bukan untuk zatnya. Walaupun ayat ini lengkap dari gabungan antara kata kerja dan pelaku tetapi maksud utama yang ingin disampaikan adalah berhubung kedatangan dan bukannya berdiri.¹⁰

Berdasarkan keterangan ini, golongan yang membezakan antara istilah *kala:m* dan *jumlah* lebih memperincikan maksud istilah *kala:m* dan *jumlah*.

Perselisihan berhubung istilah *kala:m* dan *jumlah* berterusan sehingga Ḥassan, ‘Abba:s meletakkanya di bawah pengertian yang sama.¹¹ Menurut ‘Abba:s Ḥassan, *kala:m* dan *jumlah* ialah suatu yang terbentuk dari dua perkataan atau lebih yang mempunyai makna yang berfaedah.¹²

⁸ al-Ra:ḍiyy (1998), *op.cit.*, j. 1, hal. 31, Ibn Hisya:m(1979), *op.cit.*, hal. 490.

⁹ al-Ra:ḍiyy (1998), *op.cit.*, j. 1, hal. 31.

¹⁰ Ibn Hisya:m (1979), *op.cit.*, hal. 490.

¹¹ ‘Abd al-Laṭi:f (1996), *op.cit.*, hal.20.

¹² Ḥassan, ‘Abba:s (t.t), *op.cit.*, j. 1, hal. 6.

5.1.2 Pengertian Ayat Menurut Sarjana Balaghah

Para sarjana balaghah memberi perhatian yang serius terhadap ayat dan maknanya. Mereka bukan sahaja melihat kepada makna asli tetapi menganalisis makna kedua yang tidak dapat dilihat dalam susunan ayat. Justeru penumpuan sarjana balaghah adalah dari aspek makna.

Menurut al-Jurjaniyy (m 476H) ayat bermaksud:

المُرْكَبُ الَّذِي تَتَمُّ بِهِ الْفَائِدَةُ فَإِنْ قُلْتَ إِنْ تَأْتِ وَسَكَتَ لَمْ يَفِدْ كَمَا لَا تُفِيدُ إِذَا قُلْتَ زَيْدٌ وَسَكَتَ تَفَلَّحَ اسْمًا آخَرَ وَلَا فِعْلًا وَلَا كَنْزِيًا مَنِ النَّفْسِ مَعْلُومًا مِنْ دَلِيلِ الْحَالِ

“ Ia sesuatu yang tersusun, yang membawa maksud yang berfaedah. Sekiranya anda berkata: “ Sekiranya kamu datang” kemudian anda diam, maka ia tidak membawa apa-apa faedah sebagaimana ia tidak membawa faedah sekiranya anda berkata Zaid, kemudian anda diam tanpa menyebut kata nama atau kata kerja yang lain. Ia juga tidak diniatkan di dalam jiwa sebagaimana yang difahami dari keadaan penutur.”¹³

Pernyataan al-Jurjaniyy menunjukkan bahawa satu kata nama atau kata kerja atau kata tugas dinamakan perkataan (كلمة). Apabila ia terdiri dari dua perkataan dan membawa maksud seperti مَرَجَ زَيْدٌ maka ia dinamakan kala:m dan dinamakan juga jumlat.¹⁴

Pernyataan al-Jurjaniyy menunjukkan bahawa kata nama, kata kerja dan huruf merupakan perkataan. Apabila ia terdiri dari dua perkataan seperti مَرَجَ زَيْدٌ maka ia dinamakan sebagai ayat (جُمْلَةٌ). Beliau memasukkan unsur makna dalam definisi ayat apabila beliau menyebut:

فَالْأَلْفَاظُ لَا تَتَفَاوَضُ مِنْ حَيْثُ هِيَ الْفَاظُ مُجَرَّدَةٌ وَلَا مِنْ حَيْثُ كَلِمَةٌ مُفْرَدَةٌ، وَأَنَّ الْفَضِيلَةَ وَخِلَافَهَا فِي مَلَأْتُمُ اللَّفْظَةَ لِمَعْنَى الَّتِي تَلِيهَا

¹³ al-Jurjaniyy (1992), *op.cit.*, hal. 111.

¹⁴ Abd al-Laṭīf (1996), *op.cit.*, hal.20.

Sesuatu lafaz itu tidak mempunyai apa-apa kelebihan kerana lafaz yang disebut secara berasingan, juga bukan melalui satu perkataan, kelebihan atau sebaliknya (kekurangan) diukur melalui keserasian lafaz dengan makna.¹⁵

Al-Khafa:jiyy (m 466H) pula mendefinisikan ayat sebagai:

أَنَّ الْكَلَامَ عُنْدَنَا مَا انْتَضَمَ مِنْ حَرْفَيْنِ فَصَاعِدًا مِنَ الْحُرُوفِ الْمَعْقُولَةِ ، إِذَا وَقَعَ مِمَّنْ تَصَحُّحُهُ عَنِ الْإِيفَادَةِ قَبْلًا إِتْمَامًا شَرْطُهُ الْإِنْتِظَامُ ، لِأَنَّهُ لَوْ أَتَى بِحَرْفٍ وَمَضَى زَمَانٌ وَأَتَى فِجْرًا آخَرَ ، لَمْ يَصِحَّ وَصَفَ فَعَلَهُ بِأَنَّهُ كَلَامٌ

Ia terbentuk dari dua perkataan ke atas dari perkataan yang difahami, sama ada ia berlaku dari sesiapa yang betul darinya atau ia memberi faedah, Sesuatu itu dikatakan ayat apabila ia memenuhi syarat teratur, kerana sekiranya ia menyebut satu perkataan kemudian setelah berlalunya tempoh yang tertentu lalu disebut perkataan yang lain, maka ia tidak sah sebagai ayat.¹⁶

Abu: Hila:l al-‘ Askariyy (m395H) menyebut dalam hasil garapannya

al-Şina:‘ atayn berhubung definisi ayat:

إِنَّ الْكَلَامَ أَيْدِكَ اللَّهُ بِنِ سَسَلَا سَتِهِ وَسَهُولَتِهِ وَنِصَاعَتِهِ لَفْظُهُ ، وَإِصَابَةِ مَعْنَاهُ ، وَجُودَةِ مَطَالَعِيهِ ، لِيْنِ مَقَاطِعِهِ ، وَاتَّقْتُلُو لِيْمِهِ ، وَتَعَادُلِ أَطْرَافِهِ ، وَتَشْبِيهِ أَعْجَازِهِ بِهَوَادِيَةِ ، وَمُؤَافَقَةِ مَا خَرِهَ لِمَبَادِيِهِ مَعَ قَلَّةِ ضَرْوِيَاتِهِ عَدَمِهَا أَصْلًا ، حَتَّى يَكُونَ لَهَا فِي الْأَلْفَافِ أَثَرٌ ، فَتَجْزِلُهُمُ الْمَثَلُ الْمُنْتَوِرِ فِي سَهُولَةِ مَطْلَعِهِ ، وَجُودَةِ مَقْطَعِهِ ، وَحُسْنِ وَصْفِهِ وَتَأْلِيْفِهِ ، وَكَمَالِ صِدْقِهِ وَتَرْكِيْبِهِ .

Sesungguhnya ayat itu – Allah menyokongmu- ialah pada kelunakan kata-kata, mudahnya dan juga pada kejelasannya, ia terletak pada pemilihan lafaz dan ketepatan makna, baik pendahuluannya, bunyinya yang lembut, kesamaan bahagian-bahagiannya dan keserasian antara penghujungnya dengan awalnya, ketepatan antara yang kemudian dengan permulaannya, serta meminimumkan *daru:rat* puisi (keadaan yang menyebabkan sesuatu yang terpaksa dilakukan dalam puisi yang tidak boleh dilakukan dalam prosa), bahkan ia tidak ada langsung dalam puisi, sehingga lafaz-lafaz tersebut memberi kesan, maka kamu akan mendapati puisi yang tersusun adalah seperti prosa yang mudah permulaannya, cantik bunyinya, indah gambarannya dan tulisannya serta sempurna yang tiada kecacatan pada kebenarannya dan susunannya.

Daripada definisi yang diberikan oleh sarjana-sarjana balaghah dapatlah dirumuskan bahawa sarjana balaghah lebih memberikan fokus kepada keindahan dan

¹⁵ al-Jurja:niyy (1992), *op.cit.*, hal. 4.

¹⁶ al-Kha:fajiyy (2006), *op.cit.*, hal. 22.

rahsia disebalik struktur ayat berupa pendepanan dan pengakhiran, penyebutan secara gaya bahasa ta'rif dan tanki:r, ayat disebut secara gabungan (ma'tu:fat) , gaya bahasa penegasan serta gaya bahasa i:ja:z dan itna:b. Justeru perbincangan mereka adalah berkaitan maksud, tujuan serta fungsi di sebalik penggunaan ayat yang menunjukkan kepada balaghah dan kefasihan.¹⁷

Dalam kajian ini, penulis akan menghuraikan tiga dari aspek ilmu ma'a:ni: berhubung struktur ayat iaitu gaya bahasa penegasan, ta'rif dan tanki:r serta i:ja:z dan itna:b.

5.2 Penegasan (Tawki:d)

Penegasan menjadi salah satu gaya bahasa Arab. Sehubungan dengan ini, al-Jurja:niyy menyebut dalam hasil garapannya Dala:il al-I'ja:z satu riwayat dari Ibn al-Anba:riyy (m 577H):

رَكِبَ الْكِنْدِيُّ الْمُتَفَلِّفُ لِي بِيَّ الْعَبَسِ، وَقَالَ لَهُ: لِي لَأَجِدُنِي كَلَامَ الْعُوبِ حَشَوًا!
 فَقَالَ لَهُ أَبُو الْعَبَسِ بِنِي أَيِّ مَوْضِعٍ وَجَدْتَهُ ذَلِكَ؟ فَقَالَ: لَأَجِدُ الْعُوبَ يَقُولُونَ:
 (عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ) ثُمَّ يَقُولُونَ: (إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ)،
 فَالْأَلْفَاظُ مُتَكَرِّرَةٌ وَالْمَعْنَى وَاحِدَةٌ، فَقَالَ أَبُو الْعَبَسِ: بَلِ الْمَطْعَمُ مَخْتَلِفَةٌ لَا خِتَابَ
 الْأَلْفَاظِ، فَقَوَّضْتُمْ: (عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ)، إِخْبَارٌ عَنْ قِيَامِهِ وَقَوَّضْتُمْ: (إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ)،
 جَوَابٌ عَنْ سَأَلٍ سَأَلْتُمْ، وَقَوْلُهُ: (إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ) جَوَابٌ عَنْ إِنْكَارِ مُنْكَرِ قِيَامِهِ،
 فَقَدْ تَكَرَّرَتِ الْأَلْفَاظُ لِتَكَرُّرِ الْمَطْعَمِ "

“al-Kindiyy seorang ahli falsafah berdialog dengan Abu: al-‘Abba:s Katanya: Saya dapati dalam percakapan Arab adalah hasywu (penambahan tanpa faedah).

Abu: al-‘Abba:s: Di manakah penambahan tanpa faedah?

al-Kindiyy: Saya mendapati orang Arab berkata: «عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ» (Abdullah berdiri), kemudian mereka berkata «إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ» (sesungguhnya Abdullah berdiri), kemudian mereka berkata lagi «إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ» (Sesungguhnya Abdullah memang berdiri). Lafaz-lafaz ini berulang sedangkan maksudnya sama.

¹⁷ Aliyy (2003), *op.cit.*, hal. 10.

Abu: al-'Abba:s: Tidak, bahkan setiap lafaz membawa maksud yang berlainan. Ungkapan mereka (Abdullah berdiri) bertujuan memberitahu dia berdiri, ungkapan *إنَّ عبدَ الله قائمٌ* (sesungguhnya Abdullah berdiri) jawapan kepada soalan orang yang meragui, manakala ungkapan *إنَّ عبدَ الله لقائمٌ* (Sesungguhnya Abdullah memang berdiri) jawapan kepada mereka yang tidak mempercayai Abdullah berdiri. Pengulangan lafaz adalah bertujuan untuk menyampaikan maksud.¹⁸

Riwayat ini menjelaskan al-Kindiyy berpandangan tiga ayat yang disebut menunjukkan bahasa Arab sebagai bahasa yang lemah dan pandangan ini dibantah oleh Abu: al-'Abba:s. Menurutnya tiga ayat di atas walaupun nampak hampir sama tetapi sebenarnya membawa maksud yang berbeza.

5.2.1 Definisi Penegasan

Para sarjana biasanya menggunakan istilah ta'ki:d dan tawki:d untuk merujuk kepada penegasan.¹⁹ Penggunaan ini tidak bertentangan dengan definisi penegasan yang disebut di dalam kamus Arab.

Menurut Ibn Manzu:r kedua-dua perkataan *التَّأْكِيدُ* dan *التَّوَكِيدُ* digunakan untuk merujuk kepada maksud penegasan. Perkataan ta'ki:d adalah kata nama terbitan yang berasal dari kata kata kerja *أَكَّدَ* Frasa *أَكَّدَ الْعَقْدَ وَالْعَهْدَ* bermaksud menegas dan menguatkan ikatan dan perjanjian. Menurut Ibnu Manzu:r lagi, Arab juga menggunakan *وَكَّدَ*²⁰

¹⁸ al-Jurjaniyy (2004), *op.cit.*, hal. 315.

¹⁹ Contohnya 'Abba:s dalam karyanya al-Bala:ghaṭ Funu:nuha: wa Afna:nuha: 'Ilm al-Ma'a:ni: menggunakan kedua-dua istilah tawki:d dan ta'ki:d. Lihat 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 115-149.

²⁰ Ibn Manzu:r (1999), *op.cit.*, j. 1, hal. 169.

Perkataan tawki:d adalah kata nama terbitan yang berasal dari kata kerja وَكَّدَ. Menurut Ibn Manẓūr frasa الْعَقْدُ وَكَّدًا bermaksud وَثَّقَهُ iaitu mengemaskan dan menguatkan ikatan, وَكَّدَ الْأَمْرَ bermaksud membiasakan dengannya, menghendaknya.²¹ الْعَهْدُ وَكَّدًا bermaksud وَثَّقَهُ iaitu menguatkan perjanjian.²²

Oleh kerana kedua-dua istilah ta'ki:d dan tawki:d digunakan oleh para sarjana balaghah penulis memilih penggunaan istilah tawki:d berdasarkan hujah perkataan tawki:d digunakan dalam al-Qur'an²³ iaitu dalam firman Allah (s.w.t.):

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا

Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu **menguatkannya** (dengan nama Allah),
Surah al-Nahl(16):91

Dari segi istilah balaghah, penegasan didefinisikan sebagai:

تَمْكِينُ الْغَيْثِ فِي النَّفْسِ وَتَقْوِيَّتُهُ، وَفَائِدَتُهُ إِزَالَةُ الشَّكِّ هَوَاطَةُ الشُّبُهَاتِ عَمَّا أَنْتَ بِصَدَدِهِ

“Menetapkan sesuatu di dalam jiwa dan mengukuhkannya. Tujuannya ialah untuk menghilangkan keraguan, menghapuskan keraguan di hadapan anda.”²⁴

Definisi ini menjelaskan fungsi penegasan dalam bahasa Arab untuk menghilangkan keraguan. Secara asasnya, sekiranya sasaran tidak meragui berita yang diterima atau tidak ada sebab atau faktor lain maka penegasan tidak digunakan.

5.2.2 Partikel Penegasan

Dalam bahasa Arab, pelbagai partikel digunakan untuk tujuan penegasan. ‘Abba:s membahagikan partikel penegasan kepada 13²⁵. Partikel-partikel tersebut dapat dilihat dalam jadual berikut:

²¹ Ibn Manẓūr (1992), *op.cit.*, j. 3, hal. 461.
²² al-Zubaydiyy (1986), *op.cit.*, j. 9, hal. 320.
²³ Nahar (2004), *op.cit.*, hal. 101.
²⁴ al-‘Alawiy (1995), *op.cit.* j. 2, hal. 176.

Jadual 5.1 Partikel-partikel Penegasan Dalam Bahasa Arab

Partikel	Contoh	Keterangan
إِنَّ	<p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوْ اجْتَمَعُوا لَهُ^ط</p> <p>Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; (daripada menunaikannya)... Surah al-Ḥajj (22):73</p>	<p>إِنَّ merupakan partikel penegasan yang banyak digunakan di dalam al-Qur'an dan pada tempat yang tertentu disebut bersama لام الابتداء (la:m ibtida:' atau sumpah (al-Qasam). Contohnya: Surah al-Ḥajj (22):65 dan surah al-'Asr (103):1-2</p>
لامُ الْإِبْتِدَاءِ	<p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>وَلَأَمَةٌ مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ^ق</p> <p>Sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Surah al-Baqaraṭ (2):221</p>	<p>La:m al-ibtida' merupakan lam berbaris atas yang membawa maksud penegasan. Ia hanya datang sebelum kata nama.</p>
(sumpahan) القَسَمِ	<p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>وَتَاللَّهِ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَمَكُمْ بَعْدَ أَنْ تُوَلُّوا مُدْبِرِينَ (57)</p> <p>"Dan demi Allah, Aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan (rumah berhala ini)". Surah al-Anbiya:' (21):57</p>	<p>-Sumpah sama ada dengan huruf waw-ba:'-ta:' -Digunakan dalam ayat ismiyyat dan ayat fi' liyyat</p>
مِيرُ الْفَصْلِ Kata ganti nama pemisah	<p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>فَاللَّهُ هُوَ الْوَلِيُّ</p> <p>“Kerana Allah jualah pelindung yang sebenar-benarnya... Surah al-Syu'ara:' (26):9</p>	<p>Dinamakan kata ganti nama pemisah kerana ia datang dalam bentuk kata ganti nama. Ia tidak termasuk dalam kata nama. Ia dinamakan kata ganti nama pemisah kerana menjadi pemisah antara subjek dan predikat. Dari segi fleksi (الإعراب), kata ganti nama pemisah tidak berfungsi لَا (مَحَلٌّ لَهُ مِنْ الإِعْرَابِ) Kata ganti nama pemisah disebut dengan tujuan penegasan dan adakalanya</p>

²⁵ 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 116-123.

		untuk tujuan pengkhususan.
أَمَّا الشَّرْطِيَّةُ	<p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ</p> <p>Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari tuhan mereka... Surah al-Baqaraṭ (2):26</p>	Amma: berfungsi sebagai huruf syarat dan biasanya di dahului huruf Fa:’
أَلَا، أَمَّا	<p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (62)</p> <p>Ketahuiilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. Surah Yu:nus (10):62</p>	Partikel أَلَا membawa maksud pasti berlaku. Dalam ayat tersebut menegaskan orang yang menjadikan Allah (s.w.t) sebagai walinya jauh dari ketakutan dan dukacita.
لِحُرُوفِ الزَّوَائِدِ Huruf-huruf imbuhan	<p>Firman Allah(s.w.t):</p> <p>فَلَمَّا أَنْ جَاءَ الْبَشِيرُ</p> <p>Maka sebaik-baik sahaja datang pembawa khabar berita yang mengembirakan itu Surah Yu:suf (12):96</p>	Huruf imbuhan ialah huruf yang tidak menjejaskan maksud umum ayat jika digugurkan daripada ayat tersebut. Huruf imbuhan ialah min istighraqiyyaṭ , huruf ba:’ yang berada pada tempat khabar laysa, إِنْ yang terletak selepas penafian, لَمَّا الظَّرْفِيَّةُ selepas أَنْ dan partikel مَا .
قَدْ	<p>Firman Allah(s.w.t):</p> <p>قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ (1)</p> <p>Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman Surah al-Mu’minu:n (23):1</p>	قَدْ ialah partikel penegasan yang hanya digunakan bersama kata kerja.
سَيِّئِ سَلُوفٍ	<p>Firman Allah (s.w.t):</p> <p>سَيِّجَعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا (7)</p> <p>(Orang-orang yang dalam kesempitan</p>	Partikel سَيِّئِ سَلُوفٍ akan membawa maksud penegasan sekiranya kata kerja membawa mesej amaran, janji, kata kerja

	hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan. Surah al-Tala:q (65):7	untuk sesuatu yang disukai atau dibenci. Dalam ayat contoh partikel si:n bersambung dengan kata kerja yang membawa mesej janji.
لَنْ	Firman Allah (s.w.t): لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا حُبُّونَ Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Surah A:l 'Imra:n(3):92	Partikel لَنْ digunakan untuk menegaskan penafian
نُونُ التَّوَكُّيدِ الْخَفِيفَةِ -الثَّقِيلَةِ	Firman Allah (s.w.t): وَلَيْنَ لَمْ يَفْعَلْ مَا أَمُرُهُ لَيَسْحَنَنَّ وَلَيَكُونَا مِنَ الصَّغِيرِينَ (32) Dan sesungguhnya kalau ia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh tentulah ia akan dipenjarakan, dan akan menjadi dari orang-orang yang hina." Surah Yu:suf (12):32	Dalam ayat ini kedua-dua jenis nu:n tawki:d digunakan pada perkataan لَيَكُونَا dan لَيَسْحَنَنَّ
كُرْبِيرُ النَّفْيِ Pengulangan penafian	Contohnya ungkapan: لَا لَلْجَلَائِيءِ لِدَارٍ أَنْتَ تَسْكُنُهَا Maksudnya: Tidak, tidak, saya tidak akan datang ke rumah yang sedang kamu tinggal.	Penafian dilakukan dengan mengulangi partikel nafi لَا untuk membawa maksud penegasan.
إِنَّمَا	Firman Allah (s.w.t): قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ فَهَلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ (108) Katakanlah: " Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaKu (mengenai ketuhanan ialah) Bahawa tuhan kamu hanyalah tuhan yang bersifat Esa, maka Adakah kamu mahu menurut apa yang diwahyukan kepadaku?" Surah al-Anbiya:' (21):108	إِنَّمَا merupakan salah satu partikel Qaṣr.

5.2.3 Fungsi Penegasan Dalam Al-Qur'an

Secara asasnya para sarjana balaghah mengklasifikasikan fungsi penggunaan penegasan berdasarkan sasaran “ mukha:ṭab” kepada tiga kategori iaitu:

- (a) Ibtada:iiyy bagi pendengar yang tidak meragui berita yang disampaikan. Dalam situasi tersebut tidak ada sebarang partikel penegasan yang digunakan.
- (b) Ṭalabiyy ditujukan kepada pendengar yang meragui berita yang disampaikan justeru penutur menggunakan satu partikel penegasan untuk memberi pengukuhan.
- (c) Inka:riyy ditujukan kepada pendengar yang menolak berita yang disampaikan secara total (keseluruhan). Oleh itu penutur menegaskan berita yang disampaikan dengan bilangan partikel penegasan lebih dari satu.²⁶

Selain daripada fungsi asal penegasan, terdapat beberapa fungsi penegasan dalam al-Qur'an. Antara fungsi tersebut²⁷ ialah:

5.2.3.1 Pengkhususan.

Antara sebab penggunaan penegasan adalah untuk tujuan pengkhususan. Firman Allah (s.w.t):

وَأَنَّهُ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَى (43) وَأَنَّهُ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا (44) وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ
الذَّكَرَ وَالْأُنثَى (45) مِنْ نُطْفَةٍ إِذَا تُمْنَى (46) وَإِنَّ عَلَيْهِ النَّشْأَةَ الْأُخْرَى (47)
وَأَنَّهُ هُوَ أَغْنَى وَأَقْنَى (48) وَأَنَّهُ هُوَ رَبُّ الشَّعْرَى (49) وَأَنَّهُ أَهْلَكَ عَادًا
الْأُولَى (50)

²⁶ Baharuddin bin Abdullah (2003), hal. 33-34, Ami:n (2004), *op.cit.*, hal. 67-68, Mukhlas (2005), *op.cit.*, hal. 228-229, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 53, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 93.

²⁷ Lihat fungsi penegasan dalam al-Qur'an: al-Sa:marra:iiyy (1998), *op.cit.*, hal. 125-172, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 272-279 dan Abu: Mu:sa (2005), *op.cit.*, hal. 83-98.

Dan bahawa **sesungguhnya, Dialah** yang menyebabkan (seseorang itu bergembira) tertawa, dan menyebabkan (seseorang itu berdukacita) menangis (43) Dan **bahawa sesungguhnya, Dialah** yang mematikan dan menghidupkan (44) Dan **bahawa sesungguhnya**, Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan (45) dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke dalam rahim);(46) Dan bahawa sesungguhnya, dialah yang tetap menghidupkan semula (makhluk-makhluk yang mati); (47) dan **bahawa sesungguhnya**, Dialah yang memberikan (sesiapa yang dikehendaki-Nya) apa yang diperlukannya dan memberikannya tambahan yang boleh disimpan(48) Dan **bahawa sesungguhnya, Dialah** Tuhan (Pencipta) "Bintang Syi'ra; dan bahawa sesungguhnya (49) Dialah yang membinasakan kaum 'A:d" yang pertama (kaum Nabi Hud).(50) Surah al-Najm (53):43-50

Ayat-ayat di atas ditegaskan dengan beberapa partikel penegasan seperti **أَنَّ** dan kata ganti nama pemisah (**هُوَ**). Sesetengah ayat ditegaskan dengan kata ganti nama pemisah seperti dalam ayat 43, 44, 48, 49 manakala ayat-ayat 45, 47 dan 50 tidak ditegaskan dengan kata ganti nama pemisah. Penggunaan kata ganti nama pemisah dalam ayat-ayat tersebut adalah bertujuan menegaskan perbuatan-perbuatan yang disebut adalah khusus untuk Allah (s.w.t) dan menolak sekutu bagi Allah (s.w.t) dalam perbuatan-perbuatan tersebut.

Semasa membaca ayat 43, pembaca mungkin memahami manusia boleh menyebabkan seorang itu tertawa atau menangis, maka kata ganti nama pemisah (**هُوَ**) disebut untuk menegaskan bahawa perbuatan menggembarakan atau menyebabkan dukacita adalah khusus untuk Allah (s.w.t) dan tidak ada sekutu baginya.

Penggunaan kata ganti nama pemisah (**هُوَ**) dalam ayat 44 pula untuk menegaskan pengkhususan kuasa menghidupkan dan mematikan hanya milik Allah (s.w.t), sekaligus menolak sangkaan bahawa manusia dapat menghidupkan dengan memberi makan dan mematikan dengan cara membunuh.

Dalam ayat 45 tidak disebut kata ganti nama pemisah kerana semua manusia mengakui hanya Allah (s.w.t) yang berkuasa mencipta manusia. Tidak ada manusia yang mendakwa bahawa tuhan-tuhan yang disembah selain Allah (s.w.t) mempunyai kuasa untuk mencipta. Ini diakui oleh mereka yang tidak beriman apabila ditanya siapakah pencipta langit dan bumi, maka mereka menjawab Allah yang Maha Perkasa.²⁸ Demikian juga ayat 47 tidak menggunakan kata ganti nama pemisah kerana hanya Allah (s.w.t) yang berkuasa membangkitkan manusia pada hari akhirat.

Ayat 48 ditegaskan dengan kata ganti nama pemisah untuk menunjukkan perbuatan memberikan kekayaan atau tambahan harta kepada seseorang adalah khusus bagi Allah (s.w.t) sekaligus menolak sangkaan bahawa manusia mampu untuk memberi kekayaan kepada orang lain. Demikian juga ayat 49 ditegaskan dengan kata ganti nama pemisah untuk menegaskan ketuhanan Allah (s.w.t) serta menolak kepercayaan suku Khuza:‘at yang menjadikan bintang syi‘ra: sebagai tuhan.

Ayat 50 tidak ditegaskan dengan kata ganti nama pemisah kerana perbuatan menghancurkan hanya milik Allah (s.w.t) dan tidak ada unsur sekutu pada perbuatan ini berbanding dengan perbuatan seperti mentertawakan, menyebabkan menangis, menghidupkan dan mematikan. Jelas sekali penggunaan kata ganti nama pemisah dalam ayat-ayat di atas datang dengan fungsi mengkhususkan perbuatan-perbuatan tersebut kepada Allah (s.w.t) sekalipun manusia tidak meragui fakta-fakta tersebut.²⁹

²⁸ Lihat : Surah al-Zukhruf (43):9

²⁹ Abu: Mu:sa: (2005), *op.cit.*, hal. 83-84.

5.2.3.2 Meletakkan Sasaran Yang Yakin Di posisi Sasaran Yang Ragu

Antara fungsi penggunaan penegasan dalam al-Qur'an ialah meletakkan sasaran yang yakin pada posisi sasaran yang ragu. Contohnya firman Allah (s.w.t):

ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ (15)

“Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati.”

Surah al-Mu'minu:n (23):15

Ayat di atas menyebut hal kematian yang pasti menimpa setiap orang. Hakikatnya tidak ada manusia yang meragui apatah lagi mengingkari kematian kerana kematian merupakan sebahagian daripada lumrah kehidupan. Apabila menganalisis ayat di atas, Allah (s.w.t) menegaskan ayat dengan beberapa bentuk penegasan; pertama dengan penggunaan partikel penegasan *إِنَّ* dan la:m ibtida: (لَ). Penegasan dalam bentuk ini ditujukan biasanya kepada golongan yang tidak percaya. Apabila diteliti keadaan manusia yang lalai, tidak mengingati mati, saling bermusuhan dan sering melakukan maksiat. Mereka memang tidak meragui kematian tetapi tanda-tanda ingkar ada pada mereka apabila keadaan mereka menunjukkan mereka tidak menyedari bahawa mereka akan mati, maka wajar sekali Allah (s.w.t) menegaskan ayat ini dengan beberapa penegasan.³⁰

5.2.3.3 Penegasan Untuk Penutur Sendiri

Pada situasi tertentu penegasan digunakan untuk mengukuhkan perkara tersebut di dalam jiwa penutur sendiri. Contohnya ucapan nabi Ibrahim (a.s) semasa meninggalkan keluarga di lembah yang kering kontang. Firman Allah (s.w.t):

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ

"Wahai Tuhan kami! **Sesungguhnya aku** telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah suci

³⁰ Abu: Mu:sa: (2005), *op.cit.*, hal. 90.

Makkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahmu yang diharamkan mencerohnya... Surah Ibra:hi:m(14):37

Dalam ayat ini nabi Ibrahim (a.s) menggunakan ayat penegasan **إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي** “Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku” untuk menegaskan dalam dirinya harapan yang sangat tinggi agar permintaannya dimakbulkan oleh Allah (s.w.t).³¹

5.2.3.4 Penegasan Untuk Diri Pertama Dan Sasaran Sekalipun Kedua-dua Pihak Tidak Meragui Mesej Yang Disampaikan

Contohnya firman Allah(s.w.t) :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ تَنْزِيلًا (23)

Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Qur'an kepadamu (Wahai Muhammad), dengan beransur-ansur.

Surah al-Insa:n (76):23

Firman Allah(s.w.t):

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي (14)

"Sesungguhnya Akulah Allah; tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, Sembahlah akan daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati daku
Surah Ta:ha: (20):14

Firman Allah(s.w.t):

وَإِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ (191) وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ (192)

Dan Sesungguhnya Tuhanmu (Wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani. Dan Sesungguhnya al-Qur'an (yang di antara isinya kisah-kisah yang tersebut) adalah diturunkan oleh Allah Tuhan sekalian alam.

Surah al-Syu' ara: ' (26):191-192

Ketiga-tiga ayat di atas menggunakan lebih dari satu partikel penegasan. Ayat 23 surah al-Insa:n menggunakan dua penegasan iaitu partikel **إِن** dan kata ganti nama pemisah (نحن), demikian juga ayat 14 surah Ta:ha: ditegaskan dengan partikel **إِن** dan

³¹ Abu: Mu:sa: (2005), *op.cit.*, hal. 93.

kata ganti nama pemisah (أنا) manakala ayat 191 dan 192 surah al-Syu'ara.' masing-masing dengan dua partikel penegasan iaitu **لَا مَ إِلَّا بِتَدَاءِ** dan **إِنَّ**.

Sasaran dalam ayat-ayat tersebut ialah Nabi Muhammad (s.a.w). Sudah tentu tidak ada keraguan dalam diri Nabi (s.a.w), namun al-Qur'an tetap menggunakan penegasan untuk mengukuhkan makna dalam diri Nabi (s.a.w) sehingga mencapai tahap keyakinan yang tinggi. Pengukuhan ini bertujuan untuk memberi sokongan kepada sasaran dalam menyampaikan Islam dan berdepan dengan tribulasi dakwah.³²

5.2.3.5 Mengukuh Perjanjian

Antara fungsi penegasan ialah untuk menegaskan bahawa perkara yang dijanjikan atau amaran yang diberikan pasti berlaku serta menambahkan keyakinan dan ketenangan. Antara contoh ayat yang menegaskan janji yang pasti berlaku ialah firman Allah (s.w.t):

إِنَّ اللَّهَ يُدْفِعُ عَنِ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ (38)

Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang beriman; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap seorang yang khianat, lagi tidak bersyukur.

Surah al-Hajj (22):38

Dalam ayat ini, penegasan digunakan untuk menunjukkan janji Allah untuk membela orang-orang yang beriman pasti berlaku.³³

³² Abu: Mu:sa: (2005), *op.cit.*, hal. 94-95.

³³ Abu: Mu:sa: (2005), *op.cit.*, hal. 96.

5.2.3.6 Sasaran Berada Dalam Situasi Janggal Atau Menakutkan

Antara fungsi penggunaan penegasan dalam al-Qur'an ialah sasaran berada dalam situasi yang janggal. Penutur ingin memastikan sasaran merasai dirinya diberi perhatian sekalipun sasaran tidak meragui perkara tersebut. Penggunaan penegasan dalam situasi ini bertujuan memberi kesediaan kepada sasaran untuk menerima berita atau mesej yang disampaikan seperti dalam kisah Musa (a.s) yang bermunajat dengan tuhaninya di Bukit Tursina. Allah (s.w.t) berfirman kepadanya:

(30) أَنْ يَمُوسَىٰ لِيِّنِي ۖ أَنَا اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

"Wahai Musa, **Sesungguhnya Akulah** Allah Tuhan sekalian alam.
Surah al-Qaşaş (28):30

Penegasan dalam ayat ini “Sesungguhnya Akulah” bertujuan memberi kesediaan kepada Musa (a.s) untuk menerima berita yang janggal. Tujuan asal Musa (a.s) ke sana ialah untuk mendapatkan sesuatu berita sekiranya ada orang di sana atau untuk mendapatkan api, tiba-tiba Musa (a.s) dikejutkan dengan seruan Allah (s.w.t) dari sebelah kanan bukit Tursina, maka seruan datang dalam bentuk penegasan: “Sesungguhnya Akulah” untuk memberi kesediaan kepada Musa (a.s) untuk menerima mesej berikutnya iaitu: “Allah tuhan sekalian alam”.

Begitu juga penegasan digunakan untuk menghilangkan perasaan takut dalam diri Musa (a.s) semasa berdepan dengan bayangan ular-ular tukang sihir yang menjalar. Dalam situasi ini datang penegasan datang dengan tujuan menghilangkan ketakutan.

Firman Allah (s.w.t):

(68) قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَىٰ

Maksudnya: “Kami berfirman kepadanya: "Janganlah engkau takut (Wahai Musa)! **Sesungguhnya Engkaulah** yang tertinggi mengatasi mereka dengan kemenangan.
Surah Ta:ha (20):68

Ayat di atas ditegaskan dengan dua partikel penegasan; pertama dengan partikel *إِنَّ* dan keduanya dengan kata ganti nama pemisah (*أَنْتَ*) bertujuan menghilangkan perasaan takut walaupun secara asasnya Musa (a.s) yakin dengan janji tuhannya.³⁴

5.2.3.7 Membayangkan Apa Yang Tersirat Di Hati Penutur

Antara contoh penggunaan penegasan ialah firman Allah (s.w.t):

(32) *وَلَيْن لَّمْ يَفْعَلْ مَا ءَامُرُهُ لَيْسَجَنَّ وَلَيَكُونًا مِّنَ الصَّغِيرِينَ*

Dan demi Sesungguhnya kalau ia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh **tentulah ia akan dipenjarakan**, dan **akan menjadi** dari orang-orang yang hina." Surah Yu:suf(12):32

Dalam ayat ini terdapat dua partikel penegasan iaitu *nu:n tawki:d thaqi:laṭ* dan *nu:n tawki:d khafi:faṭ*. Ayat ini datang dalam konteks kisah isteri kepada pembesar Mesir yang bergelar al-'Azi:z yang menggoda nabi Yusuf (a.s) dan pengakuannya di hadapan wanita-wanita bangsawan Mesir. Apabila berita isteri al-'Azi:z menggoda nabi Yusuf (a.s) tersebar, beliau telah menjemput wanita-wanita bangsawan ke satu majlis. Beliau telah menyediakan jamuan untuk mereka beserta pisau untuk memotong makanan. Beliau telah memerintahkan Yusuf (a.s) untuk tampil di hadapan mereka. Apabila mereka melihat kecantikan rupa Yusuf (a.s) mereka berkata Yusuf (a.s) bukanlah seorang manusia tetapi malaikat yang mulia. Pada masa ini isteri al-'Azi:z mengaku perbuatannya menggoda Yusuf (a.s) dan mengugut Yusuf (a.s) sekiranya dia tidak tunduk kepada kehendaknya, beliau akan dipenjara dan akan menjadi orang yang hina. Semasa mengugut Yusuf (a.s), al-Qur'an menggambarkan ugutannya untuk memenjarakan dengan menggunakan *nu:n tawki:d thaqi:laṭ* (*لَيْسَجَنَّ*) dan apabila mengugutnya menjadi golongan yang hina beliau menggunakan *nu:n tawki:d khafi:faṭ*

³⁴ Abu: Mu:sa: (2005), *op.cit.*, hal. 98.

(يَكُونًا). Perbezaan penggunaan partikel dalam kisah ini telah mendorong para sarjana mengupas fungsi penggunaan partikel penegasan dalam ayat ini. Fungsi penggunaan partikel penegasan yang berbeza dalam kisah tersebut dapat dihuraikan seperti berikut:

Penggunaan nu:n tawki:d thaqi:lat menunjukkan isteri al-'Azi:z serius mahu memenjarakan Yusuf (a.s) kerana Yusuf (a.s) telah menolak kehendak nafsunya. Beliau ingin menghukumnya dan beliau berkemampuan untuk melakukannya kerana beliau adalah isteri kepada pembesar Mesir. Sejak awal lagi semasa tertangkap di hadapan suaminya al-'Azi:z, beliau telah menuduh Yusuf menggodanya dan pada masa itu beliau telah menyatakan hasratnya untuk memenjarakan Yusuf. Firman Allah (s.w.t):

وَأَسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا الْبَابِ قَالَتْ مَا جَزَاءُ
مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu, tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): “Tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan **dipenjarakan dia** atau dikenakan azab yang menyiksanya”.

Surah Yu:suf (12):25

Dalil yang menunjukkan isteri al-'Azi:z benar-benar ingin memenjarakan Yusuf (a.s) ialah apabila beliau berjaya memerintahkan suaminya untuk melakukannya.

Suaminya telah memerintahkan orang-orangnya untuk memenjarakan Yusuf.

Firman Allah (s.w.t):

ثُمَّ بَدَأَ هُمْ مِنْ بَعْدِ مَا رَأَوْا الْآيَاتِ لَيْسَجُنَّهُمْ حَتَّىٰ حِينٍ (35)

Kemudian timbul fikiran bagi suami perempuan itu, serta orang-orangnya **hendak memenjarakan Yusuf** sesudah mereka nampak tanda-tanda (yang menghendaki supaya Yusuf dijauhkan) hingga ke suatu masa.

Surah Yu:suf (12):35³⁵

³⁵ al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 277.

Berhubung penggunaan nu:n tawki:d khafi:faṭ pada perkataan لَيْكُونًا, terdapat dua pandangan yang signifikan. Menurut al-Kha:lidiyy, isteri al-‘Azi:z menggunakan nu:n tawki:d khafi:faṭ kerana ia bukanlah keutamaannya. Tujuan utama penutur ialah untuk menghukum Yusuf dengan cara memenjarakannya dan bukan menjadikan Yusuf sebagai orang yang hina.³⁶ Menurut ‘Abba:s pula isteri al-‘Azi:z menggunakan takwi:d tha:qi:lat semasa menyebut penjara dengan harapan kekerasan tersebut dapat melembutkan hati Yusuf untuk menurut kehendaknya. Apabila menyebut menjadikan orang yang hina, isteri al-‘Azi:z menggunakan nu:n tawki:d khafi:faṭ untuk membayangkan perasaannya yang suka terhadap Yusuf. Oleh kerana isteri al-‘Azi:z menyukai Yusuf maka mustahil dia menjadikan orang yang disukainya hina.³⁷ Daripada huraian ini jelas sekali penggunaan tawki:d tha:qi:lat dan tawki:d khafi:faṭ adalah pada tempatnya sekaligus membuktikan i’ja:z al-Qur’a:n.

Sebagai kesimpulan, penulis mendapati terdapat fungsi-fungsi lain berhubung penggunaan penegasan dalam al-Qur’an yang lazimnya berkait rapat dengan konteks ayat. Antara objektif lain yang disebut oleh sarjana balaghah ialah menzahirkan kelemahan, memohon rahmat, memberi motivasi, menyatakan kekesalan, memuji, berbangga, menyindir, peringatan dan larangan.³⁸

5.3 Ta’ri:f Dan Tanki:r

Gaya bahasa ta’ri:f dan tanki:r menjadi salah satu keistimewaan dalam bahasa Arab. Apabila seseorang ingin menyatakan sesuatu yang tertentu maka gaya bahasa ta’ri:f digunakan. Jika seseorang ingin menyatakan sesuatu yang tidak tertentu, maka gaya bahasa tanki:r digunakan. Dalam situasi yang tertentu, sekalipun penutur

³⁶ al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 278.

³⁷ Penulis mendengar tafsiran ini di dalam satu kuliah tafsir yang disampaikan oleh ‘Abba:s di rumahnya semasa penulis belajar di Jordan (1995-2000).

³⁸ Maṭlu:b dan al-Baṣi:r (1999), *op.cit.*, hal. 119-120.

mengenali sesuatu, penutur menggunakan gaya bahasa tanki:r disebabkan oleh faktor-faktor lain. Penulis dalam kajian ini akan menghuraikan fungsi penggunaan gaya bahasa ta'ri:f dan tanki:r di dalam al-Qur'an meliputi definisi ta'ri:f dan tanki:r, bentuk-bentuk ta'ri:f dan fungsinya serta gaya bahasa tanki:r dan fungsinya yang dapat menjadi bukti kepada i'ja:z al-Qur'a:n.

5.3.1 Pengertian Ta'ri:f Dan Tanki:r

Perkataan ta'ri:f merupakan kata nama terbitan yang berasal dari kata kerja عَرَفَ yang bermaksud memberitahu dan menjelaskan (فَلَامٌ وَالتَّوَضُّيْحُ) atau menentukan sesuatu dengan menyebut cirinya yang istimewa (عَرَفَ تَجْدِيدُ الشَّيْءِ بِذِكْرِ خَوَاصِّهِ الْمُمَيِّزَةِ) عَرَفَ الشَّيْءَ bermaksud menjadikannya wangi dan cantik, طَرَفَ الضَّالَّةَ bermaksud mencarinya dan عَرَفَ فُلَانًا الْأَمْرَ memberitahunya sesuatu perkara.³⁹

Tanki:r pula berasal dari kata kerja يَنْكِرُ - يَنْكُرُ yang bermaksud menyamakan seperti kata-kata nabi Sulaiman (a.s) :

قَالَ نَكُرُوا لَهَا عَرْسَهَا

"Ubahkanlah keadaan singgahsananya itu, yang demikian". Surah al-Naml(27):41. تَنْكِيرٌ

تَنْكِرُ الشَّيْءَ bermaksud menjadikan sesuatu tidak diketahui.⁴⁰

Dari aspek terminologi, tiada definisi khusus bagi ta'ri:f atau tanki:r yang diberikan oleh sarjana balaghah. Definisi yang diberi adalah dari aspek tatabahasa; contohnya al-'Alawiyy seorang sarjana balaghah mendefinisikan ta'ri:f dan tanki:r sebagai:

³⁹ Ibn Manzu:r (1994), *op.cit.*, j. 9, hal. 236, al-Jawhariyy (1987), *op.cit.*, j. 4, hal. 1400, al-Zayya:t, et al.(1989), *op.cit.*, hal. 595.

⁴⁰ al-Aşfaha:niyy (1997), *op.cit.*, hal. 823, Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, hal. 2432.

اعْلَمَنَّ الْمَعْرِفَةَ دَلَّتْ عَلَى شَيْءٍ بَعَيْنِ التَّكْرَةِ مَا دَلَّتْ عَلَى شَيْءٍ لَّا بَعَيْنَهُ

Ketahuiilah bahawa ma'rifat ialah apa yang menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu, dan nakirat menunjukkan sesuatu yang tidak tertentu.⁴¹

Definisi yang diberikan oleh al-'Alawiyy adalah definisi dari aspek tatabahasa.

Demikian juga definisi yang disebut dalam glosari bahasa dan kesusasteraan Arab yang mendefinisikan ta'rif (pengkhasan) sebagai penukaran kata nama am kepada kata nama khas dengan ida:fat atau penambahan partikel alif-la:m.⁴² Kamus Besar Arab Melayu Dewan pula mendefinisikan tanki:r dari aspek tatabahasa sebagai menjadikannya nama nakirat.⁴³

Oleh kerana tiada definisi yang konkrit berhubung ta'rif dan tanki:r yang dinyatakan oleh sarjana balaghah, penulis cuba mendefinisikan ta'rif dan tanki:r sebagai satu aspek balaghah yang mengkaji tentang keindahan makna dalam penggunaan kata nama nakirat atau ma'rifat. Definisi ini bertepatan dengan tujuan al-gaya bahasa pengkhasan (ta'rif) dan tanki:r yang disebut oleh al-Jurja:niyy:

مِنْ فُرُوقِ الْإِثْبَاتِ أَنَّكَ تَقُولُ: مُنْطَلِقٌ، وَزَيْدٌ الْمُنْطَلِقُ، وَالْمُنْطَلِقُ زَيْدٌ، فَيَكُونُ لَكَ فِي كُلِّ وَاحِدٍ مِنْ هَؤُلَاءِ حَوَالٍ غَضٌّ خَوْضًا لِدَّةٍ لَا تَكُونُ لَكَ فِي الْبَاقِي...

Antara perbezaan ayat yang disebut secara ithbat (tidak dinafikan) . anda berkata زيد المنطلق، وزيد المنطلق، والمنطلق زيد، فيكون لك في كل واحد من هؤلاء حوالٍ غَضٌّ خَوْضًا لِدَّةٍ لَا تَكُونُ لَكَ فِي الْبَاقِي...⁴⁴

Berhubung fungsi gaya bahasa tanki:r pula al-Jurja:niyy menyebut:

التَّكْرَةُ لَا تَدُلُّ عَلَى شَيْءٍ فَيَسْأَلُ بِهَا عَنْهُ، فَإِنْ قُلْتَ أَرَجُلٌ طَوِيلٌ جَاءَكَ أَمٌ قَصِيرٌ؟ كَلَّا لَنْ يَأْتِيَكَ مِنَ الْجَائِي مِنَ جَنْسِ الْوَالِدِ الرَّجَالِ أَمْصَقَارِهِمْ؟ فَالتَّكْرَةُ إِذَنْ يَأْتِي أَصْلَهَا مِنْ كَوْنِهَا لِوَاحِدٍ مِنَ الْجِنْسِ...

Nakirat tidak menunjukkan sesuatu lalu ditanya berhubungnya. Sekiranya anda berkata: أَرَجُلٌ طَوِيلٌ جَاءَكَ أَمٌ قَصِيرٌ؟ (Adakah lelaki tinggi yang datang kepada kamu atau rendah?) Pertanyaan tersebut adalah

⁴¹ al- 'Alawiyy (1995), *op.cit.*, hal. 208.

⁴² Ishak, et al (1994), *op.cit.*, hal. 74.

⁴³ Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, hal. 2432.

⁴⁴ al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 177.

berkaitan orang yang datang adakah dari kategori tinggi atau rendah. Justeru nakiraṭ adalah satu dari jenis atau kategori...⁴⁵

Setelah menghuraikan definisi ta'rif dan tanki:r dari segi bahasa dan istilah, penulis dalam huraian seterusnya akan membincangkan fungsi penggunaan ta'rif dan tanki:r dalam al-Qur'an mengikut urutan berikut:

5.3.2. Ta'rif Dengan Kata Ganti Nama

Kata ganti nama dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga kategori seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.2 Kata Ganti Nama Bahasa Arab

		Ganti Nama Tak bersambung	Ganti Nama Bersambung
Diri Pertama (Mutakallim)		أنا	أنا...
		نحن	نحن...
Diri kedua (Mukhaṭab)	maskulin	أنت	أنت..
		أنتما	أنتما..
		أنتم	أنتم..
	Feminin	أنت	أنت..
		أنتما	أنتما..
		أنتن	أنتن..
Diri ketiga (Gha:ib)	maskulinn	هو	هو..
		هما	هما..
		هم	هم..
	Feminin	هي	هي..
		هما	هما..
		هن	هن..

⁴⁵ al-Jurjaniyy (2004), *op.cit.*, hal. 142-143.

Dari aspek balaghah penggunaan kata ganti nama bahasa Arab adalah bergantung kepada situasi. Ia dapat dilihat seperti berikut:

(a) Kata ganti diri pertama (ضمير المتكلم) digunakan dalam situasi bertutur⁴⁶ seperti dalam firman Allah (s.w.t):

(13) كُنْ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ ...

Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar ...
Surah al-Kahf (18):13⁴⁷

Kata ganti nama diri pertama digunakan oleh penutur dengan pelbagai tujuan seperti kebanggaan atau menyatakan kesombongan. Contohnya firman Allah s.w.t:

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۗ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ

وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ (12)

Allah berfirman: "Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "**Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (Wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah.**"
Surah al-A'raf (7):12

Dalam ayat ini Iblis menggunakan kata ganti diri pertama apabila ditanya sebab keengganannya untuk sujud kepada Adam. Penggunaan kata ganti diri pertama berfungsi menunjukkan kesombongan atau keangkuhan Iblis

Pada tempat yang lain kata ganti nama diri pertama digunakan untuk berlembut-lembut dan mententeramkan seperti dalam firman Allah (s.w.t):

فَلَمَّا أَتَلَهَا نُودِيَ مِنْ شَاطِئِ الْأَوَادِ الْأَيْمَنِ فِي الْبُقْعَةِ الْمُبْرَكَةِ مِنَ

الشَّجَرَةِ أَنْ يَمْوِسَىٰ إِنِّي - أَنَا اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ (30)

Maka ketika ia sampai ke tempat api itu, (kedengaran) ia diseru dari tepi lembah yang di sebelah kanan, di tempat yang dilimpahi berkat, dari arah pohon kayu (yang ada di situ): "Wahai Musa, **Sesungguhnya Akulah** Allah Tuhan sekalian alam. (Sesungguhnya

⁴⁶ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 41, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 112,

⁴⁷ Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 125, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 309.

api itu adalah sebagai satu isyarat yang didatangkan oleh Allah untuk menarik perhatian Musa ke tempat itu dan bukannya zat Allah, Wallahu A'lam)

Surah al-Qaşaş(28):30.

Gaya pengkhasan dengan diri pertama dalam ayat أَنَا اللَّهُ mengandung maksud berlembut-lembut dan mententeramkan khususnya nabi Musa (a.s) yang berada dalam situasi rungsing dan takut.⁴⁸

(b) Kata ganti nama diri kedua ($\text{ضَمِيرُ الْمُخَاطَبِ}$) digunakan oleh penutur dalam konteks ucapan kepada seseorang manusia di hadapannya pada kedudukan mukha:tab⁴⁹ seperti firman Allah (s.w.t) yang ditujukan kepada nabi-Nya:

$\text{فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ (9) وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ (10)}$

“Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah **engkau** berlaku kasar terhadapnya, adapun orang yang meminta (bantuan pimpinan) maka janganlah **engkau** tengking herdik.” Surah al-Duĥa: (93):9-10

Pada asalnya kata ganti nama kedua digunakan dalam situasi seseorang yang sedang berdepan dengan manusia yang lain, tetapi pada situasi yang istimewa seseorang menggunakan kata ganti nama kedua untuk ditujukan kepada sasaran yang tidak dapat dilihat dengan mata tetapi dekat di hati seperti ungkapan orang yang beriman:

$\text{إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (5)}$

Dalam situasi di atas seorang mukmin menghadapkan jiwanya kepada Allah (s.w.t), seolah-olah Allah (s.w.t) dekat dengan mereka lalu hatinya bergantung dengan

⁴⁸ Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 33, Mohd Rosdi Ismail (2002), *op.cit.*, hal. 69

⁴⁹ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 41, al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 37, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 113, Mohd Rosdi Ismail (2002), *op.cit.*, hal. 70, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal. 192, Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 309, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 172.

tuhan, dan merasa Allah (s.w.t) dekat di hatinya, maka dengan itu kata ganti nama diri kedua digunakan.⁵⁰

(c) Kata ganti diri ketiga digunakan pada kedudukan ghaib (diri ketiga).⁵¹ Kedudukan diri ketiga hendaklah disebut terlebih dahulu dengan salah satu tiga keadaan;

(i) Disebut secara lafaz seperti firman Allah (s.w.t):

(87) فَأَصْبِرُوا حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ بَيْنَنَا وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ .

Maka sabarlah sehingga **Allah** menjalankan hukum-Nya di antara kita semua, dan **Dialah** jua sebaik-baik hakim".

Surah al-A'raf(7):87

Kata ganti nama ^{هو} kembali kepada lafaz yang telah disebut iaitu الله .⁵²

(ii) Makna telah disebut sebelumnya⁵³ seperti firman Allah (s.w.t):

(28) وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ آرْجِعُوا فَآرْجِعُوا ۖ هُوَ أَزْكَىٰ لَكُمْ ...

"Dan jika dikatakan kepada kamu "baliklah", maka hendaklah kamu berundur balik; **cara yang demikian** adalah lebih suci bagi kamu; dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui akan apa yang kamu lakukan."

Surah al-Nu:r(24):28

Kata ganti nama ^{هو} kembali kepada sesuatu yang difahami dari apa yang disebut sebelumnya. Dalam ayat ini seolah-olah disebut: وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ آرْجِعُوا فَآرْجِعُوا ۖ هُوَ أَزْكَىٰ لَكُمْ⁵⁴

(iii) Terdapat ungkapan tunjuk (qari:naṭ) yang menunjukkan seperti firman Allah (s.w.t):

وَلِأَبْوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ

Dan bagi ibu bapa (**si mati**), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam (dari harta yang ditinggalkan oleh si mati)...

Surah al-Nisa: (4):11

⁵⁰ al-Şa'i:diyy (1991), *op.cit.*, hal. 70, Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 34, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 113, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 310.

⁵¹ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 41, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 113.

⁵² Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 34-35, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 172, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 312.

⁵³ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 41, al-Şa'i:diyy (1991), *op.cit.*, hal. 71, Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 34, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 113, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 172, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 312.

⁵⁴ Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 35, Mohd Rosdi Ismail (2002), *op.cit.*, hal. 72, Abba:s (2009), *op.cit.*, hal.312

Walaupun kata ganti nama bersambung dalam لَأَبُوَيْهِ tidak disebut terlebih dahulu tetapi konteks ayat menunjukkan dia kembali kepada orang yang telah mati kerana ayat ini menerangkan berhubung pembahagian harta pusaka maka لَأَبُوَيْهِ bermaksud لَأَبُوَيْهِ⁵⁵. المتوفى

5.3.3 Ta'rif Dengan Kata Nama Khas

'Alam ialah sesuatu yang ditetapkan namanya dan disebut untuk membezakannya dengan yang lain seperti:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، النَّبِيُّ حَيَاةٍ مِصْرَ، حَمْرَةَ سَيِّدِ الشُّهَدَاءِ، أَبُو حَيَّانَ فَسَّرَ الْقُرْآنَ....

Menurut sarjana bahasa Arab, kata nama 'alam datang dalam tiga bentuk iaitu kata nama seperti Muḥammad, Ḥamzat, Ni:l, gelaran (Laqab) seperti Ṣalaḥ al-Di:n, Nu:r al-Di:n dan kunyat seperti Abu: Ḥayya:n.⁵⁶

Menurut sarjana balaghah penggunaan kata nama 'alam mempunyai pelbagai tujuan. Menurut al-Qazwi:niyy, ta'rif dengan kata nama khas bertujuan menyebut nama secara khusus seperti هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ atau mengagungkan, menghinakan, membayangkan keseronokan atau mendapat keberkatan dengan menyebutnya.⁵⁷

Di dalam al-Qur'an terdapat pelbagai kata nama khas yang disebut antaranya nama manusia seperti nama-nama Rasul, Luqman, Maryam, nama tempat seperti bukit Tursina, Mekkah, Mesir dan lain-lain. Antara tujuan penggunaan kata nama khas dalam al-Qur'an ialah:

⁵⁵ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 41, Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 74, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 113, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 312, La:si:n (2009), *op.cit.*, hal. 172.

⁵⁶ 'Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 146.

⁵⁷ al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 63.

(a) Ta'rif dengan kata nama khas bertujuan memberi informasi kepada pendengar dengan nama yang khusus serta membezakannya dengan lain.⁵⁸ Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ

Dan (ingatlah) ketika Nabi **Ibrahim** bersama-sama Nabi **Ismail** meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu.
Surah al-Baqarat (2):127

Dalam ayat di atas dua kata nama khas disebutkan iaitu Ibrahim dan Ismail untuk menunjukkan yang meninggikan binaan asas Ka'bah ialah mereka berdua dan bukannya orang lain.

(b) Memuji atau menghina kata nama khas.⁵⁹

Antara contoh ayat al-Qur'an yang menghina 'alam ialah firman Allah (s.w.t):

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ (1)

Binasalah kedua-dua tangan **Abu Lahab**, dan binasalah ia bersama!
Surah al-Masad(111):1

Penyebutan gelaran Abu Lahab di dalam al-Qur'an bertujuan menghina perbuatan beliau yang menghalang dakwah yang dibawa oleh Rasul (s.a.w). Abu Lahab adalah satu-satu kata nama khas musuh Islam yang disebut di dalam al-Qur'an. Abu Lahab terkenal dengan panggilan ini sehingga namanya yang sebenar iaitu 'Abd al-' Uzza hampir-hampir tidak dikenali.⁶⁰

⁵⁸ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 42, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 114, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 414, Ami:n (2004), *op.cit.*, hal. 126, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 109.

⁵⁹ Ami:n (2004), *op.cit.*, hal. 126, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 109, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 314.

⁶⁰ al-Şa'i:diyy(1991), *op.cit.*, hal. 71, Fayyu:d (1992), *op.cit.*, hal. 36-37, Ibn 'A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 30, hal. 369.

5.3.4 Ta'rif Dengan Kata Nama Petunjuk

Antara kata nama yang tergolong dalam kategori ma'rifaṭ ialah kata nama petunjuk. Dalam disiplin ilmu tatabahasa Arab kata nama petunjuk bermaksud kata nama yang berperanan untuk memberi isyarat kepada sesuatu dan lazimnya disusuli dengan musya:r ilayh iaitu sesuatu yang diisyaratkan. Kata nama petunjuk dikategorikan kepada dua seperti dalam jadual berikut:

Jadual 5.3: Kata Nama Petunjuk Dalam Bahasa Arab

Bilangan	Kata nama petunjuk dekat		Kata nama petunjuk jauh	
	Maskulin	Feminin	Maskulin	Feminin
Satu(mufrad)	هَذَا	هَذِهِ	ذَلِكَ	تِلْكَ
Dua(muthanna)	هَذَانِ	هَاتَانِ	ذَانِكَ	تَانِكَ
Ramai(jamak)	هَؤُلَاءِ	هَؤُلَاءِ	أُولَئِكَ	أُولَئِكَ

Sekiranya aspek tatabahasa mengkategorikan kata nama petunjuk bahasa Arab kepada dekat dan jauh, dari aspek balaghah penggunaan kata nama petunjuk dalam bahasa Arab dan khususnya dalam al-Qur'an mempunyai pelbagai fungsi. Antara fungsi tersebut ialah:

5.3.4.1 Mengagungkan

Antara tujuan penggunaan kata nama petunjuk di dalam al-Qur'an adalah untuk tujuan mengagungkan sama ada dengan kata nama petunjuk dekat (اسْمُ الْإِشَارَةِ لِلْقَوِيْبِ) atau dengan kata nama petunjuk jauh (اسْمُ الْإِشَارَةِ لِلْبَعِيْدِ). Antara contoh yang menunjukkan penggunaan kata nama petunjuk dekat yang membawa maksud mengagungkan ialah firman Allah (s.w.t):

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ (2)

“Kitab Al-Qur’an **ini**, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”

Surah al-Baqarat (2):2

Mengapa al-Qur’an menggunakan kata nama petunjuk jauh ذَٰلِكَ dalam ayat ini sedangkan al-Qur’an berada di hadapan pembaca? Penggunaan kata nama petunjuk jauh untuk menunjukkan keagungan al-Qur’an yang tidak ada keraguan padanya.⁶¹ Penggunaan kata nama petunjuk jauh wajar sekali dalam ayat ini kerana ayat datang dalam konteks menafikan keraguan dan keraguan memang jauh dari al-Qur’an.⁶²

Di tempat yang lain kata nama petunjuk dekat هَذَا digunakan iaitu dalam surah al-An’a:m. Firman Allah (s.w.t):

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقُ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا

“**Ini** ialah Kitab (al-Qur’an) yang Kami turunkan, yang mengandungi berkat (banyak faedah-faedah dan manfaatnya), lagi mengesahkan kebenaran (kitab-kitab suci) yang diturunkan sebelumnya, dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk "Ummul-Qura" (Makkah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya...

Surah al-An’a:m(6):92

Penelitian menunjukkan penggunaan kata nama petunjuk dekat dalam surah al-An’a:m adalah dalam konteks yang berbeza iaitu menerangkan al-Qur’an sebagai kitab yang mengandungi keberkatan. Penggunaan kata nama petunjuk dekat adalah untuk menunjukkan hampirnya al-Qur’an dengan orang-orang yang beriman. Penggunaan هَذَا bertujuan menggalakkan manusia untuk membaca dan menghayatinya, mengambil pengajaran dan faedah-faedah darinya, memberi perhatian

⁶¹ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 46, al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 41, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 110, ‘Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 316.

⁶² al-Zamahsyariyy (1987), *op.cit.*, j. 1, hal. 32, ‘Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 316.

kepada amaran-amaran dan melaksanakan perintah. Maka dalam konteks ini wajarlah sekali penggunaan kata nama petunjuk هَذَا yang menunjukkan maksud dekat.⁶³

Tujuan yang sama dilihat dalam firman Allah (s.w.t):

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ
الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا (9)

Sesungguhnya al-Qur'an **ini** memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Surah al-Isra: (17):9

Penggunaan kata nama petunjuk dekat هَذَا dalam ayat ini menunjukkan maksud keagungan musyarakat ilahiyah iaitu al-Qur'an.⁶⁴ Pemilihan kata nama petunjuk dekat هَذَا sesuai dengan konteks ayat kerana ayat ini menerangkan al-Qur'an sebagai kitab hidayah. Dalam situasi ini tentu sekali memerlukan kepada penggunaan kata nama petunjuk dekat "ini" supaya orang yang mendapat hidayah dekat dengan pemberi hidayah.⁶⁵

Daripada analisis yang dijalankan jelas sekali keindahan penggunaan bahasa al-Qur'an sehinggakan penggunaan هَذَا dan ذَلِكَ adalah sesuai dengan fungsinya sekaligus menjadi bukti i'jaz al-Qur'an.

⁶³ Ibn 'A:syur (1997), *op.cit.*, j. 1, hal. 221

⁶⁴ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 115, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 110, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 177, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 316.

⁶⁵ Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 40, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 316.

5.3.4.2 Memandang Rendah

Antara fungsi penggunaan kata nama petunjuk di dalam al-Qur'an ialah untuk memandang rendah sama ada dengan isyarat dekat atau jauh.⁶⁶ Antara contoh memandang rendah menggunakan isyarat dekat ialah firman Allah (s.w.t):

لَا هِيَّةَ قُلُوبُهُمْ^{٦٦} وَأَسْرُوا النَّجْوَى الَّذِينَ ظَلَمُوا هَلْ هَذَا إِلَّا بَشْرٌ مِثْلُكُمْ^{٦٧}
أَفْتَاتُونَ السَّحَرَ وَأَنْتُمْ تَبْصُرُونَ (3)

“Dengan keadaan hati mereka leka daripada memahami dan mengamalkan maksudnya dan orang-orang yang zalim itu, berbisik-bisik sesama sendiri dengan berkata: "Bukankah (Muhammad) ini hanyalah seorang manusia biasa seperti kamu?

Surah al-Anbiya:’ (21):3

Dalam ayat ini, orang-orang yang tidak beriman menggunakan kata nama petunjuk هَذَا untuk memperkecilkan Rasul (s.a.w). Mereka menolak ajaran yang dibawa oleh Muhammad (s.a.w) dengan alasan baginda (s.a.w) adalah manusia biasa seperti mereka, maka baginda tidak layak untuk diikuti.⁶⁷

5.3.4.3 Menarik Perhatian

Kata nama petunjuk digunakan untuk mengisyaratkan kepada sifat-sifat yang telah disebut berhak diperolehi oleh musyarakat ilah⁶⁸. Ia datang dalam pelbagai konteks seperti konteks pujian atau konteks kejian.⁶⁹ Antara contoh penggunaan kata nama petunjuk dalam konteks pujian ialah firman Allah (s.w.t) :

أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ (10) الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (11)

Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi; yang akan mewarisi syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya a.

Surah al-Mu'minu:n (23):10-11

⁶⁶ al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 110, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 178, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 317.

⁶⁷ La:sy:in (2009), *op.cit.*, hal. 177.

⁶⁸ La:sy:in (2009), *op.cit.*, hal. 176-177, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 317-319.

⁶⁹ 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 319.

Kata nama petunjuk dalam ayat ini disebut selepas Allah (s.w.t) menyebut sifat-sifat kepada musya:r ilayh iaitu هُمُ الْوَارِثُونَ Mereka dalam ayat ini merujuk kepada orang-orang yang beriman yang telah disebut sifat-sifat mereka iaitu khusyuk dalam solat, menjauhi perkara yang melalaikan, mengeluarkan zakat dan menjaga kehormatan diri.⁷⁰ Disebabkan musya:r ilayh memiliki sifat-sifat yang mulia yang telah disebut maka mereka memang wajar untuk mewarisi syurga Firdaus.⁷¹ Penulis mendapati fungsi balaghah penggunaan kata nama petunjuk dinyatakan dalam tafsir pimpinan ar-Rahman yang menyebut: “ Mereka itu orang yang **berhak** mewarisi.”

Antara contoh penggunaan kata nama petunjuk untuk menarik perhatian kepada sifat-sifat yang telah disebut dalam konteks mengeji ialah ayat surah al-Baqaraṭ yang menghina golongan munafik. Setelah al-Qur’an menyebut sifat-sifat mereka seperti dakwaan beriman, menipu Allah (s.w.t) dan orang-orang yang beriman, hati yang berpenyakit dan membuat kerosakan⁷² lalu al-Qur’an menyebut:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلٰلَةَ بِالْهَدٰى (16)

“**Mereka itulah** orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk..
Surah al-Baqaraṭ (2):16

Penggunaan kata nama petunjuk هُمُ الْوَارِثُونَ mempunyai maksud dari segi balaghah iaitu menghina orang-orang munafiq dengan isyarat jauh. Musya:r ilayh dalam ayat ini bukannya sesuatu yang tertentu tetapi merujuk kepada sifat-sifat munafiq yang disebut.⁷³ Maksudnya mereka sesat dan hina kerana mereka yang mempunyai sifat-sifat yang disebut dalam ayat-ayat sebelum ini.

⁷⁰ Surah al-Mu’minu:n (23): 1-9.

⁷¹ Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 41, La:siy: n (2007), *op.cit.*, hal. 177.

⁷² Lihat surah al-Baqaraṭ (2): 8-15

⁷³ Ibn ‘A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 1, hal. 297.

al-Biqa:' iyy dan al-Alu:siyy pula melihat tujuan penggunaan kata nama petunjuk jauh dalam ayat ini menunjukkan mereka sangat jauh dari petunjuk disebabkan sifat-sifat keji mereka seperti pengakuan bahawa mereka orang yang baik sedangkan mereka golongan yang membuat kerosakan, memperolokkan orang-orang yang beriman dan menuduh mereka sebagai golongan yang bodoh.⁷⁴

Penulis melihat kedua-dua makna ini wajar bagi orang-orang munafiq, disebabkan mereka memiliki sifat-sifat yang tidak baik seperti yang disebut, maka mereka jauh dari petunjuk lantas mereka menjadi orang yang hina. Dengan ini, jelas sekali penggunaan kata nama petunjuk jauh **لَوْلَا** bertepatan dengan konteks ayat untuk menghina golongan munafiq.

5.3.4.4 Membezakan Musya:r Ilayh Dengan Perbezaan Yang Nyata.⁷⁵

Contohnya firman Allah (s.w.t):

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ لِكُلِّ
 أَمْرٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ
 (11) لَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِأَنْفُسِهِمْ خَيْرًا وَقَالُوا هَذَا
 إِفْكٌ مُّبِينٌ (12)

Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat). Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri dan berkata: "**Ini** ialah tuduhan dusta yang nyata".

Surah al-Nu:r (24):11-12

⁷⁴ al-Biqa:' iyy (1995), *op.cit.*, j. 1, hal. 47, al-Alu:siyy (2001), j. 1, hal. 259.

⁷⁵ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 44, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 115, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 315.

Firman Allah (s.w.t):

وَلَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ قُلْتُمْ مَا يَكُونُ لَنَا أَنْ نَتَكَلَّمَ بِهَذَا سُبْحَانَكَ هَذَا بُهْتَانٌ عَظِيمٌ

Dan sepatutnya semasa kamu mendengarnya, kamu segera berkata: "Tidaklah layak bagi kami memperkatakan hal **ini**! Maha suci Engkau (Ya Allah dari mencemarkan nama baik ahli rumah Rasulullah)! **Ini** adalah satu dusta besar yang mengejutkan". Surah al-Nu:r (24):16

Ayat-ayat di atas berkaitan peristiwa fitnah yang dihadapi oleh Saidatina 'Aisyah.

Dalam ayat-ayat ini kata ganti nama هَذَا disebut sebanyak tiga kali merujuk kepada perbuatan memfitnah. Penggunaan kata nama tunjuk di sini bertujuan membezakan musya:r ilayh iaitu perbuatan memfitnah dengan perbezaan yang nyata.⁷⁶

5.3.4.5 Cara Untuk Memperkenalkan Musya:r Ilayh.

Kata nama petunjuk digunakan untuk memperkenalkan musya:r ilayh.

Contohnya apabila malaikat tidak mengetahui nama benda-benda yang dibentangkan

kepada mereka. Allah (s.w.t) berfirman kepada mereka: أَنبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ, Allah (s.w.t) mengisyaratkan هَؤُلَاءِ untuk merujuk kepada benda-benda tersebut.

Firman Allah (s.w.t):

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (31)

Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepadaku nama benda-benda **ini semuanya** jika kamu golongan yang benar". Surah al-Baqarat (2):31.⁷⁷

5.3.4.6 Menyindir Kebodohan Sasaran

Dalam situasi tertentu, ganti diri kedua memerlukan kepada bukti yang dapat dicapai dengan pancaindera untuk memahami sesuatu yang abstrak. Sekiranya penutur menggunakan logik, diri kedua kurang memahami mesej yang ingin disampaikan. Oleh

⁷⁶ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 421.

⁷⁷ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 419.

itu penyampai mesej menggunakan kata nama petunjuk untuk menunjukkan seolah-olah perkara tersebut ada di hadapan mereka. Penggunaan kata nama petunjuk untuk tujuan ini sangat banyak di dalam al-Qur'an.⁷⁸ Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ وُفُّوا عَلَىٰ رَبِّهِمْ قَالَ أَلَيْسَ هَذَا بِالْحَقِّ قَالُوا بَلَىٰ وَرَبِّنَا قَالَ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ (30)

Dan sungguh ngeri jika engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Tuhan mereka, lalu Allah berfirman: "Bukankah **hari kiamat ini** suatu perkara yang benar? mereka menjawab: "Benar, Demi Tuhan kami!" Allah berfirman lagi: "Oleh itu, rasalah azab seksa neraka dengan sebab kamu telah kufur ingkar". Surah al-An'a:m(6):30

Ayat ini bermaksud bukannya kehidupan akhirat ini yang kamu ragui suatu masa dahulu benar-benar berlaku di hadapan mata kamu. Ayat ini menyindir mereka kerana pada hari akhirat baru mereka menyedari kebenaran hari Qiamat.⁷⁹ Ayat ini juga bertujuan memberi peringatan kepada mereka yang masih hidup di dunia ini tetapi tidak mempercayai hari akhirat, bahawa akhirat yang diragui benar-benar berlaku dengan menggunakan kata nama petunjuk هَذَا yang merujuk kepada hari akhirat. Seolah-olah akhirat itu di hadapan mata mereka. Bagi tujuan ini al-Qur'an menggunakan هَذَا dan bukannya الْآخِرَةَ atau يَوْمَ الْقِيَامَةِ

5.3.5 Ta'rif Dengan Kata Nama Mawṣu:l

Kata nama mawṣu:l ialah kata nama yang memerlukan tempat kembali (A:' id) berupa ayat yang jelas atau ayat yang ditafsirkan dan ianya bukan ayat insya:iy.⁸⁰ Definisi ini menunjukkan kata nama mawṣu:l memerlukan kepada dua perkara iaitu :

⁷⁸ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 422.

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Ibn Ma:lik (1967), *op.cit.*, hal. 22.

(a) *Ṣilat mawṣu:l* *صِلَةُ الْمَوْصُولِ* iaitu ayat yang memberi penjelasan. Ianya boleh terdiri daripada:

(i) Ayat nyata (مِلَّةُ الْخَبْرِيَّةِ) seperti *الَّذِي خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ*

(ii) Ayat separa (syibh jumlat) sama ada ja:rr majru:r atau kata keterangan (zarf) seperti *الَّذِي فِي الدَّارِ*

(b) Tempat kembali (العائد) iaitu kata ganti nama yang disebut atau digugurkan yang menjadi penghubung dengan *ṣilat*.⁸¹

Terdapat dua kategori kata nama mawṣu:l :

(a) Kata nama mawṣu:l yang khusus iaitu *الَّذِي* untuk seorang lelaki, *الَّتِي* untuk seorang perempuan, *الَّذَانِ* untuk dua orang lelaki, *الَّتَانِ* untuk dua orang perempuan, *الَّذِينَ* untuk ramai lelaki serta *الَّذِي* atau *الَّتِي* untuk ramai perempuan

(b) Kata nama mawṣu:l yang umum iaitu *ذَا* ، *ذُو* ، *أَي* ، *مَا* ، *مَنْ*⁸²

Para sarjana balaghah telah menyebut beberapa fungsi penggunaan kata nama mawṣu:l dalam al-Qur'an. Antara fungsi-fungsi tersebut ialah:

5.3.5.1 Cara Untuk Mengenali Penyandar

Antara tujuan penggunaan kata nama mawṣu:l ialah ianya satu-satunya cara untuk mengenali individu yang disebut.⁸³ Antara ayat al-Qur'an yang termasuk dalam kategori ini ialah firman Allah (s.w.t):

وَدَخَلَ الْمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينٍ غَفْلَةٍ مِّنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَذَا مِنْ شِيعَتِهِ وَهَذَا مِنْ عَدُوِّهِ فَاسْتَغْنَتْهُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ

⁸¹ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 428.

⁸² Muḥammad 'I:d (1989), *op.cit.*, hal. 167-173.

⁸³ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 42, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 116, Ami:n (2004), *op.cit.*, hal. 130, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 174, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 320.

فَوَكَرَهُ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيْهِ ۗ قَالَ هَذَا مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ ۗ إِنَّهُ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ ۝ (15)

Dan masuklah ia ke bandar (Mesir) dalam masa penduduknya tidak menyedarinya, lalu didapatinya di situ dua orang lelaki sedang berkelahi, - seorang dari golongannya sendiri dan yang seorang lagi dari pihak musuhnya. **maka orang yang dari golongannya** meminta tolong kepadanya melawan **orang yang dari pihak musuhnya**; Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati. (pada saat itu) Musa berkata: "Ini adalah dari kerja syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh yang menyesatkan, yang nyata (angkaranya) ".

Surah al-Qaṣaṣ(28):15.

Dalam ayat di atas al-Qur'an tidak menyebut nama lelaki dari kaum nabi Musa (a.s) dan lelaki dari pihak musuh. Al-Qur'an memadai dengan menyebut هَذَا مِنْ شَيْعَتِهِ dan هَذَا مِنْ عُلُوِّهِ Musa (a.s) mungkin mengenali nama kedua-dua lelaki tersebut tetapi al-Qur'an tidak menyebut nama mereka menyebabkan kita tidak tahu siapa mereka berdua. Apa yang difahami oleh pembaca dalam ayat ini Musa (a.s) terserempak dengan dua lelaki yang bergaduh dan baginda (a.s) telah menyelamatkan lelaki dari kaumnya dengan menumbuk lelaki dari pihak musuh menyebabkan lelaki tersebut mati.

Oleh kerana pembaca hanya mengenali lelaki yang diselamatkan, maka apabila al-Qur'an menyebut peristiwa yang berlaku pada keesokan hari, al-Qur'an menggunakan kata nama mawṣu:l untuk merujuk kepada lelaki dari kaum Musa yang masih bergaduh pada hari berikutnya dengan menggunakan kata nama mawṣu:l kerana ianya satu-satu cara untuk mengenalinya. Firman Allah (s.w.t):

فَأَصْبَحَ فِي الْمَدِينَةِ خَائِفًا يَتَرَقَّبُ فَإِذَا الَّذِي آسْتَنْصَرُهُ بِالْأَمْسِ يَسْتَصْرِخُهُ ۗ قَالَ لَهُ مُوسَىٰ إِنَّكَ لَعَوِيٌّ مُّبِينٌ ۝ (18)

Semenjak itu, tinggalah ia di bandar (Mesir) dalam keadaan cemas sambil memerhatikan (berita mengenai dirinya), maka tiba-tiba **orang yang meminta pertolongan kepadanya semalam**, memanggil meminta pertolongannya lagi. Musa berkata kepadanya: "Sesungguhnya engkau ini orang yang nyata sesatnya!"

Surah al-Qaṣaṣ (28):18.

Pembaca yang membaca ayat ini memahami bahawa lelaki yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah lelaki dari kaumnya yang diselamatkan dalam ayat 15. Jelas sekali penggunaan kata nama *mawṣu:l* dalam ayat diatas wajar sekali kerana ianya satu-satu caranya untuk memperkenalkannya kepada pembaca.⁸⁴ Penggunaan ini jelas menunjukkan ketinggian bahasa al-Qur'an sekaligus membuktikan i'jaz al-Qur'an.

5.3.5.2 Mengelakkan Memburukkan Pelaku

Penggunaan kata nama *mawṣu:l* untuk tujuan di atas biasanya digunakan untuk mengelakkan keburukan menyebutnya disebabkan penyebutannya jijik, memalukan atau mengaibkan nama yang disebut.⁸⁵ Penggunaan kata nama *mawṣu:l* dengan tujuan ini sangat banyak dalam al-Qur'an dan Hadith Nabi (s.a.w).

Penggunaan kata nama *mawṣu:l* untuk tujuan ini sangat banyak digunakan di dalam al-Qur'an kerana tujuan al-Qur'an ialah memberi pengajaran bukan mencari kesalahan atau mengaibkan seseorang. Justeru al-Qur'an hanya menyebut beberapa nama yang tertentu apabila menjelaskan kesalahan seseorang seperti Abu Lahab, Qarun, Haman, Firaun, Jalu:t dan A:zar berbanding nama-nama manusia yang menjadi teladan. Antara contoh ayat dalam konteks ini ialah firman Allah (s.w.t):

أَرَأَيْتَ الَّذِي يَنْهَىٰ (9) عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰ (10)

“Adakah engkau nampak (baiknya) orang **yang** melarang (dan menghalang) seorang hamba Allah apabila ia mengerjakan sembahyang?”
Surah al-‘Alaq(96):9-10

⁸⁴ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 430.

⁸⁵ Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 76, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 430.

Nama pelaku kesalahan dalam ayat diketahui apabila kita membaca sebab turun ayat atau sirah Nabi (s.a.w). Pelaku kesalahan dalam ayat di atas ialah Abu Jahal.⁸⁶

5.3.5.3 Menarik Perhatian Atas Kesalahan Diri Kedua.⁸⁷

Antara tujuan penggunaan kata nama mawṣu:l ialah menarik perhatian sasaran kepada kesalahan yang dilakukan. Contohnya firman Allah (s.w.t):

يَوْمَ تَحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا
مَا كُنْتُمْ لَأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ (35)

(Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah **apa** yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) **apa** yang kamu simpan itu.

Surah al-Tawbat(9):35.

Penggunaan kata nama mawṣu:l (ما) dalam ayat ini ialah untuk menarik perhatian orang yang enggan mengeluarkan zakat atas kesalahan mereka.⁸⁸ Dalam ayat di atas muḍa:f digugurkan iaitu عَنَابَ مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ bermaksud **azab** apa yang kamu simpan. Penggunaan kata nama mawṣu:l di sini bertujuan menarik perhatian golongan bangsawan yang tidak membelanjakan harta mereka di jalan kebaikan serta tidak mengeluarkan zakat. Penggunaan kata nama mawṣu:l adalah untuk menarik perhatian atas kesalahan mereka yang mengumpul harta semata-mata untuk menambah lagi khazanah dan kekayaan dan mengabaikan tanggung jawab agama dan mengenenepikan hak golongan yang memerlukan. Di sebabkan kesalahan ini mereka akan diazab oleh Allah (s.w.t).

⁸⁶ Ibn Kathi: r (1994), j. 14, hal. 399, al-Ṭabariyy (2001), *op.cit.*, j. 24, hal. 533-534. Kisah Abu Jahal disebut dalam Hadith riwayat Imam Aḥmad, no. hadith 3044, j. 5, hal. 167.

⁸⁷ Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 38, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 435.

⁸⁸ Ibn 'A:syur (1997), *op.cit.*, j. 10, hal. 180

5.3.5.4 Menegaskan Tujuan Utama Informasi Disampaikan.⁸⁹

Antara tujuan penggunaan kata nama mawṣu:l ialah penutur ingin memberi penegasan terhadap informasi yang ingin disampaikan. Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَرَاوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ ۖ وَعَلَقَتْ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ
قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ (23)

Dan **perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya**, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya; dan perempuan itupun menutup pintu-pintu serta berkata: "Marilah ke mari, Aku bersedia utukmu". Yusuf menjawab: "Aku berlindung kepada Allah (dari perbuatan yang keji itu); Sesungguhnya Tuhanku telah memeliharaaku dengan sebaik-baiknya; Sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya".
Surah Yu:suf (12):23

Tujuan disebut ayat di atas adalah untuk menunjukkan kesucian Yusuf. Penggunaan kata nama mawṣu:l yang merujuk kepada wanita yang Yusuf dirumahnya untuk menegaskan lagi yang melakukan perbuatan tersebut ialah isteri kepada pembesar Mesir yang bergelar al-'Azi:z. Pembaca yang membaca kisah ini dari awal memahami yang dimaksudkan dengan wanita yang Yusuf tinggal di rumahnya ialah Zulaikha atau isteri al-'Azi:z. Penggunaan ayat ṣilaṭ mawṣu:l (wanita yang Yusuf tinggal di rumahnya) untuk menunjukkan wanita tersebut mempunyai ruang dan kesempatan untuk melakukan perbuatan zina dengan Yusuf (a.s) pada bila-bila masa sama ada pada waktu siang dan malam. Ia juga menunjukkan kemungkinan wanita itu telah lama menyimpan perasaannya terhadap Yusuf (a.s) serta Yusuf (a.s) menyedari tindak tanduk isteri al-'Azi:z akan tetapi Yusuf memelihara diri dengan menolak segala pujuk rayu. Sekiranya perkara ini berlaku pada lelaki yang lain, berkemungkinan mereka telah melakukan perbuatan zina. Ini yang dapat difahami dari ayat (هُوَ فِي بَيْتِهَا) Sekiranya kata nama

⁸⁹ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 431, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal. 194, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 321, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 174.

mawṣu:l ditukar dengan perkataan إِمْرَاتُ الْعَوِيْزِ, maksud yang dihuraikan sebelum ini tidak tercapai.⁹⁰

5.3.5.5 Sebab Penetapan Hukum Atau Balasan.

Contohnya firman Allah (s.w.t):

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (277)

Sesungguhnya **orang-orang yang beriman dan beramal soleh**, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. Surah al-Baqaraṭ (2):277.

Penggunaan kata mawṣu:l merujuk kepada sebab mereka menerima balasan di sisi tuhan mereka ialah disebabkan mawṣu:l yang disebut selepas ism mawṣu:l iaitu mereka yang beriman, beramal soleh, menunaikan solat dan mengeluarkan zakat.

5.3.5.6 Menyindir Dan Memperolok-olok.

Antara objektif kata nama mawṣu:l ialah untuk menyindir atau memperolok-olok. Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَقَالُوا يَتَّبِعُنَا الَّذِي نُنزِلُ عَلَيْهِ الذِّكْرَ إِنَّكَ لَمَجْنُونٌ (6)

Dan mereka yang ingkar berkata(kepada Nabi Muhammad): "Wahai orang **yang kepadanya diturunkan al-Qur'an**, sesungguhnya engkau adalah orang gila". Surah al-Ḥijr(15):6

Penggunaan kata nama mawṣu:l dalam ayat ini adalah bertujuan menyindir dan memperolok-olokkan Nabi (s.a.w). Ungkapan tunjuk “ Sesungguhnya engkau orang

⁹⁰ al-Zamakhsyariyy (1987), *op.cit.*, j. 2, hal. 310, al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 37-38, Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 37-38, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 117, Mohd Rosdi Ismail (2002), *op.cit.*, hal.75-76, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal. 194, ‘Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 151-152, La:si:n (2009), *op.cit.*, hal. 174.

yang gila” menunjukkan tujuan penyindiran kerana mereka tidak mempercayai al-Qur’an diturunkan kepada Nabi (s.a.w).⁹¹

5.3.6 Ta’rif Dengan Alif-la:m

Penggunaan alif-la:m merupakan salah satu cara pengkhasan bagi sesuatu perkataan. Para sarjana balaghah mengkategorikan alif-la:m dari segi penggunaannya kepada dua kategori:

- (a) Alif-la:m generik (الْجِنْسِيَّةُ). Ia juga dinamakan sebagai لَامُ الْحَقِيقَةِ.⁹² Ia digunakan bagi pengertian menyeluruh bagi semua objek tertentu seperti pada perkataan الْإِنْسَانُ
- (b) Alif-la:m ‘ahdiyyat (الْهَيْبَةُ) Alif-la:m kategori ini merujuk kepada alif-la:m yang menunjukkan pendengar telah mengetahuinya disebabkan oleh perkara tersebut telah dinyatakan sebelumnya sama ada secara langsung atau tidak langsung.⁹³

5.3.6.1 Alif-la:m Generik

Alif-la:m generik terbahagi kepada tiga bentuk:

- (a) Merujuk kepada jenis atau kelompok dan bukannya individu. الْقَوَمُ الْجَنَسِيُّونَ النَّظَرُ لِلْأَفْرَادِ

Contohnya ayat: الرَّجُلُ خَيْرٌ مِنَ الْمَرْأَةِ Ayat ini tidak merujuk kepada lelaki atau wanita tertentu sebaliknya merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan. Dari sudut yang lain pula ayat ini tidak bermaksud meliputi semua individu iaitu semua lelaki lebih baik dari wanita kerana ada sebahagian wanita lebih baik dari sebahagian lelaki.⁹⁴

⁹¹ Ibn ‘A:syu:r (1997), *op.cit.*, j. 14, hal. 16, al-Şa’i:diyy (1991), *op.cit.*, hal. 73.

⁹² al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 118-119, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 437

⁹³ Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 83, al-Şa’i:diyy (1991), *op.cit.*, hal. 74, Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 132.

⁹⁴ ‘Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 155, Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 132.

(b) Merujuk kepada individu yang tidak ditentukan dalam kelompok atau kumpulan.

﴿لَمَّا دَعَا مِنْهُمْ لِإِبْرَاهِيمَ إِذْ قَالَ يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الصَّاغِرِينَ﴾⁹⁵ Ontohnya firman Allah (s.w.t):

قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِي أَنْ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ يَأْكُلَهُ الذِّئْبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ
غَافِلُونَ (13)

Bapa mereka menjawab: "Permergian kamu membawanya bersama sangatlah mendukacitakan daku, dan Aku pula bimbang ia akan dimakan oleh serigala, ketika kamu lalai dari mengawalinya."

Surah Yu:suf (12):13

Alif-la:m pada perkataan الذئب⁹⁵ bukan merujuk kepada makna yang sebenarnya kerana sesuatu yang tidak logik serigala memakan manusia. Ia juga tidak merujuk kepada serigala tertentu tetapi maksudnya mana-mana serigala dari kelompok serigala.⁹⁵

(c) Alif-la:m istighra:qiyyat⁹⁶ iaitu meliputi jenis kesemuanya tanpa terkecuali. Ia boleh digantikan dengan perkataan كل⁹⁶. Ianya terbahagi kepada dua iaitu keseluruhan sebenar (القياسية) dan nisbah atau adat.⁹⁶

Contoh alif-la:m الاستوائية kategori sebenar ialah firman Allah (s.w.t):

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا (28)

Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumNya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.

Surah al-Nisa: (4):28

Alif-la:m pada perkataan الإنسان⁹⁷ adalah alif-la:m istighra:qiyyat⁹⁷ yang meliputi semua jenis manusia. Ayat di atas bermaksud semua manusia dijadikan berkeadaan lemah.⁹⁷

Contoh alif-lam istighra:qiyyat⁹⁷ kategori nisbah atau adat ialah ucapan seorang guru: "Panggil pelajar-pelajar jangan tinggal seorang pun". Dalam ayat ini alif-la:m pada perkataan الطلاب⁹⁷ adalah meliputi semua pelajar

⁹⁵ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 119, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 327.

⁹⁶ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 120, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 438, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 329.

⁹⁷ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 438.

tetapi maksudnya tidak meliputi semua pelajar di sekolah-sekolah, institusi dan universiti-universiti. Maksudnya semua pelajar dalam kelas kamu atau semua pelajar tingkatan kamu atau pelajar sekolah kamu.⁹⁸

Contoh dari al-Qur'an ialah firman Allah (s.w.t):

وَجَاءَ السَّحَرَةُ فِرْعَوْنَ قَالُوا إِنَّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا نَحْنُ الْغَالِبِينَ (113)

Dan datanglah **ahli-ahli sihir** itu kepada Firaun lalu berkata: "Sungguhkah kami akan beroleh upah, kalau kami dapat mengalahkannya?"
Surah al-A'ra:f (7):113

Alif-la:m pada perkataan السَّحَرَةُ merupakan alif-la:m istighra:qiyyat kategori adat kerana yang dimaksudkan di sini ialah semua tukang sihir Firaun dan bukannya tukang sihir dari seluruh dunia pada waktu itu.⁹⁹

5.3.6.2 Alif-la:m 'Ahdiyyat

Alif-la:m 'ahdiyyat terbahagi kepada tiga:

(a) 'Ahd tersurat (العهد الصريح) iaitu pengekhasan dengan alif-la:m disebabkan perkataan telah disebut secara tersurat sebelumnya seperti firman Allah (s.w.t):

كَمَا أَرْسَلْنَا إِلَى فِرْعَوْنَ رَسُولًا (15) فَعَصَى فِرْعَوْنَ الرَّسُولَ

Sesungguhnya Kami telah mengutus kepada kamu (Wahai umat Muhammad), seorang Rasul yang menjadi saksi terhadap kamu (tentang orang yang mematuhi atau menolak seruannya), sebagaimana Kami telah mengutus kepada Firaun **seorang rasul**, maka Firaun menderhaka kepada **Rasul itu**...
Surah al-Muzammil(73):15-16

Perkataan Rasul yang pertama disebut dengan gaya bahasa tanki:r. Perkataan Rasul dalam ayat berikutnya disebut dengan gaya bahasa pengekhasan merujuk kepada perkataan rasul yang telah disebut sebelumnya.¹⁰⁰

⁹⁸ Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 156.

⁹⁹ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 439.

¹⁰⁰ al-Sa'i:diyy (1991), *op.cit.*, hal. 75, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 4, hal. 76, al-Mayda:niyy (1996), j. 1, hal. 440, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 114, Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 132.

(b) 'Ahd Dhihniyy (العهدُ الذّهنيّ)-Mengisyaratkan kepada sesuatu yang ada dalam fikiran atau sesuatu sedang berlaku.¹⁰¹ Ia juga dinamakan 'ahd 'ilmiyy (العهدُ العليّ) atau 'ahd huḍu:riyy (العهدُ الحُضوريّ).¹⁰² Contohnya firman Allah (s.w.t):

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي
الْغَارِ

Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka Sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, Iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua...

Surah al-Tawbaṭ (9):40

Kata الغارُ dalam ayat ini difahami dalam minda pendengar kerana ia telah diketahui. Ayat ini diturunkan selepas perang Tabuk, lapan tahun selepas peristiwa hijrah. Gua yang disebut dalam ayat ini difahami oleh sahabat-sahabat kerana perkara ini telah berlaku beberapa tahun yang lalu.¹⁰³

(c) Alif-la:m 'ahdiyyat tersirat (العهدُ الكِنائيّ). Alif-la:m 'ahdiyyat kategori ini berlaku apabila ada sesuatu yang telah disebut secara tersirat sebelumnya. Contohnya firman Allah (s.w.t):

إِذْ قَالَتِ امْرَأَتُ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (35) فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ
بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنْثَىٰ ... (36)

“ (Ingatlah) ketika isteri Imran berkata:" Tuhanku! **Sesungguhnya Aku nazarkan kepadamu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepadamu semata-mata)**, maka terimalah nazarku; Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."maka apabila ia melahirkannya, berkatalah ia: "Wahai

¹⁰¹ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*,j. 1, hal. 442.

¹⁰² 'Abba:s (2009), *op.cit.*,hal. 326.

¹⁰³ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 119, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j.4, hal. 76, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 442.

Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan (sedang yang aku harap-harapkan ialah anak lelaki), - dan Allah memang mengetahui akan apa yang dilahirkannya itu - dan memanglah tidak sama **anak lelaki** dengan anak perempuan...

Surah A:l 'Imra:n (3):35-36

Dalam ayat 36, perkataan **الدَّسْكَرُ** disebut dengan gaya bahasa pengekhasan dengan alif-la:m kerana ia didahului oleh sesuatu yang telah disebut secara tersirat dalam ayat:

إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي

Ayat ini membawa maksud tersirat iaitu isteri 'Imra:n inginkan anak lelaki. Beliau telah bernazar kepada Allah untuk menjadikan anaknya sebagai pembantu di tempat ibadat. Tugas ini hanya mampu dilakukan oleh anak lelaki. Maka penyebutan **الدَّسْكَرُ** secara dengan gaya bahasa pengekhasan dengan alif-la:m merujuk kepada sesuatu yang telah disebut secara tersirat.¹⁰⁴

5.3.7 Ta'rif Dengan Iḍa:fat

Terdapat beberapa tujuan ta'rif dengan iḍa:fat di dalam al-Qur'an iaitu:

(a) Memuliakan

Antara fungsi ta'rif dengan alif-la:m ialah memuliakan. Contohnya perkataan **نَاقَةٌ** yang menjadi muḍa:f kepada lafaz al-Jala:lat dalam firman Allah: **نَاقَةٌ اللَّهُ** Surah al-A'ra:f (7) :73 . Muḍa:f dalam ayat ini iaitu unta menjadi agung kerana unta tersebut datang dari Allah (s.w.t) bukannya dengan kelahiran biasa. Ia menjadi satu dari tanda kebesaran Allah (s.w.t).¹⁰⁵

¹⁰⁴ al-Zamakhshariyy (1987), *op.cit.*, j. 1, hal. 356, Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 83, al-Mayda:niyy (1996), j. 1, hal. 441, Ami:n(2004), *op.cit.*, hal. 131-132, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal. 210, 'Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 153, Za:yid (2007), *op.cit.*, hal. 132-133.

¹⁰⁵ al-Zamakhshariyy (1987), *op.cit.*, j. 2, hal. 59, Abu: Mu:sa (1988), *op.cit.*, hal. 313.

(b) Menghina¹⁰⁶

Contohnya firman Allah (s.w.t):

ثُمَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يُخْزِبُهُمْ وَيَقُولُ أَيَّنَ شُرَكَاءِي

Kemudian pada hari kiamat, Allah menghina mereka (dengan azab seksa) sambil bertanya: "Mana dia sekutu-sekutuku?"

Surah al-Nahl (16):27

رَشِدًا كَائِي dalam bentuk ida:fat kepada kata ganti diri pertama(ku) berfungsi menghina

mereka yang menyengutukan Allah (s.w.t) dengan cara memperolokkan mereka.¹⁰⁷

(c) Menyindir

Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا
قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ قُلْ بئْسَمَا
يَأْمُرُكُمْ بِهِ إِيمَانُكُمْ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (93)

Dan (ingatlah) ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu semasa Kami angkatkan bukit Tursina itu ke atas kamu (sambil Kami berfirman): "Ambilah (dan amalkanlah ajaran Kitab Taurat) yang Kami berikan kepada kamu itu dengan bersungguh-sungguh, dan dengarlah (apa yang diperintahkan kepada kamu dengan mematuhihinya)". Mereka menjawab: "Kami dengar, dan kami menderhaka". sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu telah mesra dan sehati di dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah (Wahai Muhammad): " Amatlah jahatnya apa yang disuruh oleh iman kamu itu kalaulah kamu orang-orang yang beriman".
Surah al-Baqarat(2):93

Menurut al-Alu:siyy ida:fat iman kepada kamu merupakan satu bentuk penyindiran kepada golongan Yahudi.¹⁰⁸

(d) Menunjukkan ketidakberadaban penutur.

Contohnya ucapan bani Israel di hadapan Nabi Musa (a.s) dalam firman Allah

(s.w.t):

¹⁰⁶ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 449.

¹⁰⁷ al-Zamakhshariyy (1987), *op.cit.*, j. 2, hal. 469.

¹⁰⁸ al-Alu:siyy (2001), *op.cit.*, j. 1, hal. 515.

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّنَا يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُثْبِتُ
الْأَرْضُ

“Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, Kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada **Tuhanmu** untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi.”

Surah al-Baqarat(2):61

Menurut al-Alu:siyy mereka menyebut رَبَّنَا dan bukannya رَبُّكَ kerana mereka mengetahui keistimewaan yang ada pada nabi Musa (a.s) seperti Musa boleh bermunajat terus dengan Allah (s.w.t) serta diturunkan kepadanya kitab Taurat. Seolah-olah mereka berkata:

Pohonkanlah untuk kami dari yang berlaku ihsan kepadamu untuk memberi ihsan kepada kami, sebagaimana Ia berlaku ihsan kepada kamu sebelum ini, kami berharap Dia berlaku baik kepada kamu dengan memperkenalkan permintaanmu.¹⁰⁹

Penggunaan رَبَّنَا dalam bentuk ida:fat menunjukkan kebiadapan mereka dengan Allah (s.w.t) seolah-olah tuhan Musa (a.s) bukan tuhan mereka.

(e) Meminta belas kasihan.

Contohnya firman Allah (s.w.t):

لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ وَوَالِدٌهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ

Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana **anaknyanya**, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana **anaknyanya**...

Surah al-Baqarat(2):233

Ayat ini berkaitan penyusuan anak kepada pasangan yang telah bercerai. Menjadi tanggung jawab kepada ibu-ibu yang telah diceraikan untuk menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap. Hukum ini juga melibatkan semua ibu. Hukum tanggung jawab ini menurut majoriti sarjana fiqh adalah sunat.¹¹⁰ Maksud “Janganlah

¹⁰⁹ al-Alu:siyy (2001), *op.cit.*, j. 1, hal. 433.

¹¹⁰ al-Zuhaily (2007), *op.cit.*, j. 2, hal. 465-466.

menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya” ialah ibu dan bapa tidak harus merasa dibebani di antara satu sama lain dengan sesuatu yang diluar kemampuan mereka. Bapa tidak harus memaksa ibu bagi melakukan sesuatu yang diluar kewajipan ibu. Ibu pula tidak harus meminta sesuatu yang di luar kewajipan bapa selain daripada kewajipan memberi nafkah.¹¹¹ *Ida:faṭ* anak kepada ibu **بَوْلَدِهَا** dan *ida:faṭ* anak kepada bapa **بَوْلَدِهِ** mengandungi maksud meminta belas kasihan terhadap anak, walaupun ibu dan bapa sudah bercerai namun anak memerlukan belas kasihan kerana anak bukanlah orang asing bagi mereka berdua.¹¹²

5.3.8 Fungsi Gaya Bahasa Tanki:r

Antara tujuan penggunaan gaya bahasa tanki:r dalam al-Qur’an ialah:

(a)Penutur bukan berniat untuk menentukan siapa yang melakukan sebaliknya mesej lain yang lebih utama untuk disampaikan. Contohnya penggunaan gaya bahasa tanki:r pada perkataan **رَجُلٌ** dalam firman Allah (s.w.t):

وَجَاءَ رَجُلٌ مِّنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ يَسْعَىٰ قَالَ يَا مُوسَىٰ إِنَّ الْمَلَأَ يَأْتَمِرُونَ بِكَ
لِيَقْتُلُوكَ فَاخْرُجْ إِنِّي لَكَ مِنَ النَّاصِحِينَ (20)

Dan datanglah **seorang lelaki** dari hujung bandar itu dengan berlari, (lalu menyampaikan berita) dengan berkata: "Wahai Musa, sesungguhnya pegawai-pegawai Firaun sedang mengadakan pakatan terhadapmu, mereka hendak membunuhmu; oleh itu pergilah dari sini, Sesungguhnya aku adalah pemberi nasihat secara ikhlas kepadamu".

Surah al-Qaṣaṣ (28):20

¹¹¹ Mustaffa Abdullah (1997), *op.cit.*, hal. 325-326

¹¹² al-Zamakhsyariyy (1987), *op.cit.*, j. 1, hal. 213, al-’Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 1, hal. 230, al-Ṣa’i:diyy (1991), *op.cit.*, hal. 77, Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 43, al-Alu:siyy (2001), *op.cit.*, j. 2, hal. 221, Mohd Rosdi Ismail (2002), *op.cit.*, hal. 88.

Dalam ayat ini mesej utama yang ingin disampaikan ialah ada orang yang memberitahu kepada Musa (a.s) bahawa pegawai-pegawai Firaun sedang mengadakan pakatan untuk membunuh Musa (a.s). Siapa nama lelaki tersebut bukanlah tujuan Allah (s.w.t) menyebutnya. Dalam ayat ini perkataan الْمَلَأَ disebut dengan gaya bahasa pengekhasan ditambah dengan penegasan إِنَّ menunjukkan berita yang dibawa oleh lelaki tersebut adalah serius.¹¹³

(b)Diri pertama ingin menyembunyikan individu yang dibicarakan walaupun penutur mengenalinya.

Penutur menggunakan gaya bahasa tanki:r kerana kemaslahatan yang dilihat oleh penutur seperti takut, rindu atau menanti waktu yang sesuai untuk membuat kejutan. Contohnya kakak Nabi Musa yang mengikuti perkembangan Musa (a.s) selepas baginda (a.s) dilahirkan, seterusnya diletakkan di dalam peti dan dicampakkan ke dalam sungai sehingga sampai ke Istana Firaun. Musa (a.s) menjadi buah hati isteri Firaun dan Musa (a.s) menolak untuk menyusu dengan mana-mana wanita lantas kakak Nabi Musa (a.s) berkata seperti dalam firman Allah (s.w.t):

وَحَرَمْنَا عَلَيْهِ الْمَرَاضِعَ مِنْ قَبْلُ فَقَالَتْ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ أَهْلِ بَيْتٍ يَكْفُلُونَهُ لَكُمْ وَهُمْ لَهُ نَاصِحُونَ (12)

Dan Kami jadikan dia (Musa) dari mulanya enggan menyusu kepada perempuan-perempuan yang hendak menyusukannya; (melihatkan halnya itu), kakaknya berkata: "Mahukah, aku tunjukkan kamu kepada **penduduk sebuah rumah** yang dapat memeliharanya untuk kamu, serta mereka tulus ikhlas kepadanya?"

Surah al-Qaṣaṣ(28):12

¹¹³ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 401, al-Zawba'iyy(1997), *op.cit.*, hal. 150, Mohd Rosdi Ismail(2002), *op.cit.*, hal. 90.

Kakak Musa (a.s) menyebut lafaz **بَيْتٌ** dengan gaya bahasa tanki:r dan beliau menggunakan frasa **أَهْلُ بَيْتٍ** dan bukannya **مَوْضِعَةٌ** (orang yang menyusukan) semuanya bertujuan mengelakkan sangkaan bahawa ibu Musa ada dirumah dan bimbangkan sesuatu yang tidak baik terhadap saudara kandung dan ibunya. Ia juga bertujuan supaya tidak ada sangkaan bahawa beliau adalah kakak kepada Musa (a.s).¹¹⁴

(c) Penutur menyebut sesuatu yang tidak tertentu dari jenis atau kumpulan seperti ucapan seorang yang ingin berkahwin: **أُرِيدُ زَوْجَةً** Dalam ayat ini penutur ini ingin mencari pasangan yang sesuai untuknya tetapi belum ditentukan individu dalam pemikirannya. Demikian juga kata-kata saudara kandung Yusuf (a.s) semasa mereka melakukan konspirasi untuk menghapuskan Yusuf (a.s). Firman Allah (s.w.t):

أَقْتُلُوا يُوسُفَ أَوْ اطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهُ أَبِيكُمْ وَتَكُونُوا مِنْ بَعْدِهِ قَوْمًا
صَالِحِينَ (9)

(Ramai di antara mereka berkata):" Bunuhlah Yusuf atau buanglah dia ke **suatu tempat yang jauh**, supaya perhatian dan kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu semata-mata, dan supaya kamu sesudah itu menjadi orang-orang yang baik dan berguna".

Surah Yu:suf (12):9

Perkataan **رُضًا** dengan gaya bahasa tanki:r menunjukkan maksud dibuang ke satu tempat yang jauh tetapi tidak ditetapkan supaya Yusuf (a.s) sesat atau dibaham binatang buas.¹¹⁵

(d) Menunjukkan sesuatu yang banyak (**التكثير**) dan ungkapan tunjuk (qari:nat) menunjukkan penutur ingin menunjukkan maksud banyak seperti firman Allah (s.w.t):

فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ رَسُولٌ مِّنْ قَبْلِكَ جَاءَ بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ

Oleh itu, jika mereka mendustakanmu (Wahai Muhammad, maka janganlah engkau berdukacita), kerana sesungguhnya **rasul-rasul**

¹¹⁴ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 401-402.

¹¹⁵ al-Zamakhshariyy (1987), *op.cit.*, j. 2, hal. 305, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 402, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal. 218.

yang terdahulu daripadamu telah didustakan juga; mereka telah membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan kitab-kitab (nasihat pengajaran), serta kitab (syariat) yang terang jelas.

Surah A:l 'Imra:n(3):184

Penggunaan kata رُسُلٌ secara tanki:r menunjukkan bilangan rasul yang banyak.

Mereka telah didustakan oleh kaum mereka. Ayat ini berfungsi memberi hiburan kepada Rasul (s.a.w).¹¹⁶

(e) Menunjukkan maksud sedikit

Firman Allah (s.w.t):

وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا
وَمَسَكِنٍ ظِلْبَةً فِي جَنَّةٍ عِدْنٍ وَإِرْضُونَ مِنْ اللَّهِ أَكْبَرُ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ
الْعَظِيمُ (72)

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam syurga 'Adn serta **keredaan** dari Allah yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar.

Surah al-Tawba(9):72

Perkataan رِضْوَانٍ disebut dengan gaya bahasa tanki:r menunjukkan walaupun keredaan sedikit dari Allah (s.w.t), ia lebih besar dari segala bentuk nikmat syurga kerana ia ialah kemuncak segala bentuk kebahagiaan.¹¹⁷

(f) Mengagungkan

Antara fungsi penggunaan gaya bahasa tanki:r di dalam al-Qur'an adalah untuk menunjukkan maksud keagungan seperti firman Allah (s.w.t):

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ (2)

¹¹⁶ al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 73, Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 92, al-Ha:shimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 119, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 403, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal. 217, Hari:z (2006), *op.cit.*, hal. 92, 'Abba:s (2007), *op.cit.*, hal.164.

¹¹⁷ al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 47, Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 89, Fayyu:d (1992), al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 4, hal. 82, *op.cit.*, hal. 46, Abu: Mu:sa: (2006), *op.cit.*, hal. 216, Hari:z (2006), *op.cit.*, hal. 93, 'Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 165.

Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi **petunjuk** bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa;

Surah al-Baqarah(2):2

Perkataan هُدًى disebut secara tanki:r untuk menunjukkan kebesaran hidayah.

Ini jelas melalui ungkapan tunjuk (qari:naṭ) keagungan al-Qur'an yang didahului dengan ism isya:raṭ yang menunjukkan ketinggian al-Qur'an dan menafikan apa jua keraguan dari al-Qur'an.¹¹⁸

(g) Memperkecilkan dan merendahkan.¹¹⁹

Antara tujuan penggunaan gaya bahasa tanki:r dalam al-Qur'an adalah untuk memperkecilkan dan menghina atau merendahkan seperti dalam firman Allah s.w.t :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُبَ
بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ
وَلْيَمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۚ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا ۚ

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil(benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan **sesuatu pun** dari hutang itu.

Surah al-Baqaraṭ(2):282.

Menurut al-Alu:siyy penyebutan شَيْئًا secara tanki:r membawa maksud

larangan mengurangkan kadar hutang sekalipun nilainya kecil atau dipandang rendah.¹²⁰

¹¹⁸ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 405.

¹¹⁹ Abu: Zayd (1988), *op.cit.*, hal. 89.

¹²⁰ al-Alu:siyy(2001), *op.cit.*, j. 3, hal. 92.

5.4 I:ja:z

I:ja:z merupakan salah satu gaya bahasa yang digunakan di dalam bahasa Arab. Ia menjadi salah satu daripada ciri-ciri keistimewaan bahasa Arab. Gaya bahasa ini digunakan secara meluas di dalam al-Qur'an sesuai dengan al-Qur'an yang diturunkan dalam bahasa Arab. Penggunaan gaya bahasa ini menjadi salah satu dalil i:ja:z baya:niyy di dalam al-Qur'an. Dalam kajian ini penulis akan menghuraikan konsep i:ja:z, kategori-kategori i:ja:z dan fungsi pengguguran di dalam al-Qur'an al-Karim.

5.4.1 Pengertian I:ja:z Dan Kepentingannya

I:ja:z merupakan kata nama terbitan yang berasal dari kata kerja *وَجَزَّ يَجْزُ وَجَزًا* bermaksud percakapan yang ringkas. *جَزَّ الْكَلَامَ* bermaksud memendekkan, meringkaskan percakapan.¹²¹

I:ja:z merupakan cabang ilmu ma'a:ni: yang terawal disentuh oleh para sarjana. Sarjana-sarjana awal seperti al-Ja:hi:z (m 255H)¹²², Ibn Qutaybat (m 276H) , al-Rumma:niyy¹²³ dan al-Ba:qilla:niyy (m 403H) telah menyebut istilah ini.¹²⁴ Persoalan i:ja:z dihuraikan secara terperinci oleh sarjana-sarjana klasik seperti al-'Askariyy, al-Khafa:jiyy dan Ibn al-Athi:r.¹²⁵

¹²¹ Ibn Manzu:r (1994), *op.cit.*, j. 5, hal. 427.

¹²² al-Ja:hi:z (1938), *op.cit.*, j. 3, hal. 86.

¹²³ al-Rumma:niyy (1968), *op.cit.*, hal. 76.

¹²⁴ 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 470.

¹²⁵ al-'Askariyy (1989), *op.cit.*, hal. 173, al-Khafa:jiyy (2006), *op.cit.*, hal. 194, Ibn al-Athi:r (1979), *op.cit.*, hal. 194-217.

Terdapat pelbagai definisi i:ja:z yang diberikan oleh sarjana balaghah, namun berdasarkan analisis yang dijalankan oleh penulis, definisi-definisi yang diberikan hampir sama, maka penulis mengambil definisi yang diberikan oleh 'Abba:s (2007):

قَصْدُ اللَّفْظِ مَعَ وَفَاعِلِهِمْ، أَوْ اسْتِثْمَارُ أَقْلٍ قَلْبٍ مَّا لَلْفَاطِ فِي أَكْبَرَ قَدْرٍ مِّنِ
الْمَعْنَى .

Penggunaan lafaz yang ringkas tanpa mencatitkan maksud yang ingin disampaikan, atau meminimumkan penggunaan lafaz tetapi memberikan makna yang luas.¹²⁶

Para sarjana meletakkan syarat utama kepada i:ja:z iaitu menyampaikan mesej dengan lafaz yang ringkas. Sekiranya lafaz yang digunakan ringkas tetapi tidak menyampaikan mesej maka tidak dikira sebagai i:ja:z dan tidak termasuk dalam balaghah.

Dalam al-Qur'an, i:ja:z diletakkan pada tempat dan konteks yang sesuai sekaligus menjadi bukti kepada i:ja:z al-Qur'a:n. Allah (s.w.t) mempelbagaikan gaya bahasa al-Qur'an dengan i:ja:z di suatu tempat, menerangkan secara terperinci (itna:b) di suatu tempat yang lain dengan tujuan penegasan atau menambah kefahaman.¹²⁷

Semasa membincangkan i:ja:z, sarjana balaghah membahagikan i:ja:z kepada dua kategori:

- (a) I:ja:z ḥadhf (Pemendekan secara pengguguran)
- (b) I:ja:z qaṣr (Pemendekan secara singkatan).¹²⁸

¹²⁶ 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 472.

¹²⁷ Ibn Qutaybat (1954), *op.cit.*, hal. 15-16.

¹²⁸ Sarjana awal yang mengklasifikasikan i:ja:z kepada dua kategori ialah al-Rumma:niyy dalam karyanya *al-Nukat fi: I:ja:z al-Qur'a:n*. Lihat: al-Rumma:niyy (1968), *op.cit.*, hal. 70. Pembahagian ini telah diikuti oleh sarjana-sarjana selepasnya.

Sebelum menghuraikan kedua-ke dua kategori i:ja:z ḥadhf, terdapat pertindihan dan campur aduk antara istilah i:ja:z ḥadhf dengan pengguguran (ḥadhf) kerana terdapat ciri persamaan antara dua istilah ini. Perbezaan dan persamaan antara i:ja:z ḥadhf dan ḥadhf adalah dari beberapa aspek:

- (a) Istilah (pengguguran) ḥadhf digandingkan dengan istilah (penyebutan) dhikr manakala i:ja:z ḥadhf digandingkan dengan iṭna:b.
- (b) Kupasan ḥadhf adalah lebih berfokus aspek pesandar (musnad), penyandar (musnad ilayh) dan elemen-elemen berkaitan kata kerja. Topik dalam i:ja:z ḥadhf lebih luas iaitu meliputi huruf, perkataan, ayat dan wacana. Berasaskan fakta ini, (pengguguran)ḥadhf adalah sebahagian dari i:ja:z ḥadhf. al-Mara:ghiyy telah meletakkan pengguguran penyandar (ḥadhf musnad ilayh), pengguguran pesandar (ḥadhf musnad) dan pengguguran objek (maf'u:l bih) sebagai sebahagian dari bentuk-bentuk i:ja:z ḥadhf.¹²⁹ Pandangan ini diikuti oleh beberapa sarjana lain seperti Fayyu:d, Ami:n dan La:syi:n.¹³⁰
- (c) Walaupun sarjana berbeza pendapat dari segi penggunaan istilah namun dari segi tujuan dan objektif disebalik penggunaan kedua-dua istilah ini adalah sama iaitu meninjau fungsi penggunaan balaghah pengguguran.

Bertitik tolak dari persamaan dan perbezaan ini, penulis memilih untuk menganalisis topik i:ja:z ḥadhf.

5.4.2 I:ja:z Ḥadhf

I:ja:z ḥadhf ialah menggugurkan sebahagian perkataan atau ayat dengan syarat ada ungkapan tunjuk (القَرِيْنَةُ) yang menunjukkan kepada lafaz yang digugurkan.¹³¹ I:ja:z ḥadhf diklasifikasikan kepada dua iaitu:

¹²⁹ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 183.

¹³⁰ Fayyu:d (1992), *op.cit.*, hal. 276, Ami:n (2004), *op.cit.*, hal. 182, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 251.

¹³¹ Ami:n (2004), *op.cit.*, hal. 182, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 189, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 475.

- (i) Pengguguran elemen-elemen ayat.
- (ii) Pengguguran satu atau beberapa ayat.

5.4.2.1 Pengguguran Elemen-elemen Ayat.

Terdapat beberapa bentuk pengguguran elemen-elemen dalam ayat seperti huruf dan perkataan. Berhubung pengguguran huruf, penulis telah membincangkannya dalam bab empat (Lihat sub topik 4.2.2). Oleh itu dalam bab ini penulis akan membincangkan berhubung pengguguran perkataan di dalam ayat. Bentuk-bentuk pengguguran perkataan adalah seperti subjek (mubtada'), predikat (khabar), pelaku (fa:' il), objek (maf'u:l bih), kata tugas (huruf ma'a:ni:), muḍa:f, muḍa:f ilayh, ja:rr majru:r, mawṣu:f, sifat, syarṭ, jawa:b syarṭ, sumpah (qasam), jawab qasa:m dan ḥa:l.

Berikut adalah bentuk-bentuk pengguguran perkataan dalam al-Qur'an;

- (a) Pengguguran subjek (mubtada')

Contohnya firman Allah (s.w.t):

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَمَانَ وَقَارُونَ فَقَالُوا سَاحِرٌ كَذَّابٌ (24)

Kepada Firaun dan Haman serta Qarun; maka mereka (menuduhnya dengan) berkata: "**Ia** seorang ahli sihir, lagi pendusta!"

Surah Gha:fir(40):24.

Subjek yang digugurkan dalam ayat ini ialah Ia seorang ahli sihir.¹³²

- (b) Pengguguran predikat (khabar)

Firman Allah (s.w.t):

أَكُلُهَا دَائِمًا وَظِلُّهَا (35)

Makanannya kekal tidak putus-putus dan naungannya **sentiasa**

Surah al-Ra'd(13):35

¹³² al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 207, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 478.

Perkataan yang digugurkan ialah sentiasa (دَائِمًا). ظَلُّهَا دَائِمًا: naungannya sentiasa.¹³³

(c) Pengguguran pelaku (Fa:‘ il)

Firman Allah (s.w.t):

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ (26)

Sedarlah (janganlah mengutamakan dunia dan melupakan akhirat. ingatlah akan hal orang yang hendak mati) apabila **rohnya** sampai ke pangkal kerongkong.
Surah al-Qiya:maṭ(75):26

Pelaku yang digugurkan dalam ayat ini ialah roh iaitu الرُّوحُ التَّرَاقِيَّ yang bermaksud apabila **rohnya** sampai ke pangkal kerongkong.¹³⁴

(d) Pengguguran objek (maf'u:l bih)

Firman Allah (s.w.t):

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ النَّاسِ يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِنْ دُونِهِمُ امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا لَا نَسْقِي حَتَّى يُصَدِرَ الرِّعَاءُ وَأَبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ (23) فَسَقَى لَهُمَا ...

Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (**binatang ternak masing-masing**), dan ia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan **kambing-kambingnya**. Dia bertanya: "Apa hal kamu berdua?" mereka menjawab: "Kami tidak memberi minum (**kambing-kambing kami**) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa Kami seorang yang terlalu tua umurnya "maka Musa pun memberi minum **kepada binatang-binatang ternak mereka**.....

Surah al-Qaṣaṣ (28): 23-24

Dalam ayat di atas, objek (maf'u:l bih) digugurkan dibeberapa tempat iaitu selepas kata kerja (نَسْقِي، تَذُودَانِ، سَقَى) (mereka memberi minum, menahan, kami memberi minum, dia memberi minum).¹³⁵

¹³³ al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 210.

¹³⁴ Bada:wiyy (1951), *op.cit.*, hal. 119, Ibn al-Athi:r (1959), *op.cit.*, j. 2, hal. 296, Fayyud (1992), *op.cit.*, hal. 117, al-Muṭ'aniyy (1992), *op.cit.*, j. 2, hal. 28, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 215, Maṭlu:b (1999), *op.cit.*, hal.187, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 44.

¹³⁵ al-Saka:kiyy (1983), *op.cit.*, hal. 229, al-Zamakshyariyy (1987), j. 3, *op.cit.*, hal. 401, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 234, Qaṣṣa:b (2000), *op.cit.*, hal. 114, al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 290-291, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 290, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 155-156.

(e) Pengguguran muḍa:f

Firman Allah (s.w.t):

حَتَّىٰ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ

(Demikianlah keadaan mereka) hingga apabila terbuka **tembok** yang menyekat Yakjuj dan Makjuj. Surah al-Anbiya: (21): 96

Muḍa:f yang digugurkan ialah perkataan tembok: حَتَّىٰ إِذَا فُتِحَتْ سَدُّ يَأْجُوجُ
وَمَاْجُوجُ¹³⁶

(f) Pengguguran muḍa:f ilayh

Firman Allah (s.w.t):

﴿وَوَاعَدْنَا مُوسَىٰ ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَمْنَاهَا بِعَشْرِ﴾ (142)

Dan Kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh **malam** lagi. Surah al-A'ra:f(7):142

Muḍa:f Ilayh yang digugurkan dalam ayat ini ialah perkataan malam iaitu عَشْرًا
لَيَالٍ³⁷

(g) Pengguguran ja:rr majru:r.

Firman Allah (s.w.t):

وَأَخْرُونَ أَعْتَرَفُوا بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا عَمَلًا صَالِحًا وَآخَرَ سَيِّئًا

Dan (sebahagian) yang lain mengakui dosa-dosa mereka. mereka telah mencampur adukkan amal yang baik dengan amal yang lain, yang buruk... Surah al-Tawbat(9):102

Ja:rr wa majru:r yang digugurkan dalam ayat ialah :

خَلَطُوا عَمَلًا صَالِحًا بِسَيِّئًا صَالِحًا. Mereka mencampurkan amalan soleh **dengan**

yang tidak baik dan yang amalan yang tidak baik **dengan yang baik**. Dalil

pengguguran ialah perkataan mencampur adukkan (خَلَطُوا).¹³⁸

¹³⁶ al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 218, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 184, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 480.

¹³⁷ al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 188, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 49, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 252.

¹³⁸ al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 224, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 480.

(h) Pengguguran kata nama sifat (mawṣu:f)

Firman Allah (s.w.t):

وَعِنْدَهُمْ قَصِيرَاتُ الطَّرْفِ عَيْنٌ (48)

Sedang di sisi mereka ada pula **bidadari-bidadari** yang tidak menumpukan pandangannya melainkan kepada mereka, lagi yang amat indah luas matanya.

Surah al-Ṣā:ffa:t (37):48

Mawṣu:f yang digugurkan dalam ayat ini ialah perkataan **قَصِيرَاتُ الطَّرْفِ عَيْنٌ** iaitu bidadari-bidadari yang tidak menumpukan pandangannya melainkan kepada mereka.¹³⁹

(i) Pengguguran sifat

Firman Allah (s.w.t):

الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ (4)

Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan.

Surah Quraisy(106):4

Şifat yang digugurkan dalam ayat ini ialah “yang amat sangat” dan “yang besar iaitu **شَوْدَائِلِنَهُمْ مِنْ جُوعٍ شَدِيدٍ** ...dari kelaparan **yang amat sangat** dan ketakutan **yang besar**.”¹⁴⁰

(j) Pengguguran syarat

Firman Allah (s.w.t):

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu..."

Surah A:l ‘Imra:n(3):31

Syarat yang digugurkan dalam ayat ini ialah **فَاتَّبِعُونِي** iaitu:

فَاتَّبِعُونِي، فَإِنْ تَتَّبِعُونِي يُحِبِّبْكُمْ اللَّهُ maksudnya: “maka ikutilah daku, **sekiranya kamu mengikutiku**, nescaya Allah mengasihi kamu...”¹⁴¹

¹³⁹ al-Zarkasyiy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 225, ‘Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 480.

¹⁴⁰ al-Zarkasyiy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 226, ‘Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 481.

(k) Pengguguran jawa:b syarṭ

Firman Allah (s.w.t):

وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ

Sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan "sakratul-maut" (ketika hendak putus nyawa)...

Surah al-An' a:m (6):93

Jawa:b syarṭ yang digugurkan ialah سَوْءَ حَالِهِمْ maksudnya nescaya kamu akan melihat buruknya keadaan mereka.¹⁴² Maka dengan ini terjemahan lengkap ayat di atas ialah “ Sekiranya engkau melihat ketika orang-orang zalim itu dalam penderitaan sakratul maut, **nescaya kamu akan melihat buruknya keadaan mereka**”.

(l) Pengguguran sumpah (qasam)

Firman Allah (s.w.t):

لَئِن لَّمْ يَنْتَهُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَالْمُرْجِفُونَ فِي الْمَدِينَةِ

لُنْغَرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا يُجَاوِرُونَكَ فِيهَا إِلَّا قَلِيلًا (60)

Demi sesungguhnya, jika orang-orang munafik, dan orang-orang yang ada penyakit (syak ragu-ragu) dalam hatinya, serta orang-orang yang menyebarkan berita-berita dusta di Madinah itu tidak berhenti (dari perbuatan jahat masing-masing), nescaya kami akan mendesakmu memerangi mereka; sesudah itu mereka tidak akan tinggal berjiran denganmu di Madinah lagi melainkan sebentar sahaja.

Surah al-Aḥza:b (33):60

Sumpahan (qasam) yang digugurkan dalam ayat ini ialah وَاللَّهِ لَئِن لَّمْ يَنْتَهُ وَاللَّهُ maksudnya **demi Allah** jika orang-orang munafik tidak berhenti...¹⁴³

¹⁴¹ al-Suyu:ṭiyy (1969), *op.cit.*, j. 1, hal. 331, _____ (1987), *op.cit.*, j. 2, hal. 82, Ibn Hisya:m (1979), *op.cit.*, hal. 474, al-Muṭ'aniyy (1992), *op.cit.*, j. 2, hal. 67, 'Izz al-Di:n (1995), *op.cit.*, hal. 13, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 482, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 52, La:si:n (2009), *op.cit.*, hal. 253.

¹⁴² al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 253, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 55.

¹⁴³ al-Suyu:ṭiyy (1969), *op.cit.*, j. 1, hal. 332, _____ (1987), *op.cit.*, j. 2, hal. 83, Ibn Hisya:m (1979), *op.cit.*, hal. 489, al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 3, hal. 129, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 59, La:si:n (2009), *op.cit.*, hal. 252.

(m) Pengguguran Jawa:b Qasa:m

Firman Allah (s.w.t):

وَالنَّزِعَاتِ غَرْقًا (1) وَالنَّشِيطَاتِ تَشَاطًا (2) وَالسَّيِّحَاتِ سَبْحًا (3)
فَالسَّيِّقَاتِ سَبْقًا (4) فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا (5) يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ (6)

Demi (makhluk-makhluk) yang mencabut (Apa yang ditugaskan mencabutnya) dengan cara yang sekasar-kasarnya; dan yang menarik (Apa yang ditugaskan menariknya) dengan cara yang selembut-lembutnya; dan Demi (makhluk-makhluk) yang cergas bergerak (menerima perintah) dengan gerak yang secergas-cergasnya lalu masing-masing berlomba-lomba dahulu-mendahului (menjalankan tugasnya) dengan cara yang sesungguhnya-sungguhnya serta menyempurnakan tadbir urusan alam yang diperintahkan kepadanya; (Sumpah Demi sumpah, **Sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat!** pada masa berlakunya "tiupan sangkakala yang pertama" yang menggoncangkan alam, (sehingga mati segala yang bernyawa dan punah-ranah sekalian makhluk selain dari yang dikecualikan).

Surah al-Na:zi'a:t (79): 1-6

Jawa:b Qasam yang digugurkan ialah **لَيْسَ لِي دَمِيٌّ وَلَا حَاسِبِينَ** demi yang mencabut dengan cara yang sekasarnya...sumpah demi sumpah..., maka sesungguhnya kamu akan dibangkitkan dan dihitung. Dalil pengguguran ialah disebabkan keingkaran mereka terhadap hari kebangkitan seperti dalam firman Allah (s.w.t):

يَقُولُونَ أَءِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِي الْحَاذِرَةِ (10)

Mereka (yang ingkar) berkata: "Sungguhkah kita akan dikembalikan hidup seperti keadaan di dunia dahulu?"

Surah al-Na:zi'a:t(79):10.¹⁴⁴

(n) Pengguguran ha:l

Firman Allah (s.w.t):

وَأَمَلَيْكُمُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ (23) سَلَامٌ عَلَيْكُمْ ...

Sedang malaikat-malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu; -(memberi hormat dengan berkata): "Selamat sejahteralah kamu berpanjangan..."

Surah al-Ra'd (13):23-24

¹⁴⁴ Ibn al-Athi:r (1959), *op.cit.*, j. 2, hal. 320, al-Anba:riyy (1969), j. 2, hal. 492, Ibn Rasyi:q (1972), *op.cit.*, j. 2, hal. 277, Ibn Hisya:m (1979), *op.cit.*, hal. 846, al-Zarkasyiyy(1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 262, 'Izz al-Di:n (1995), *op.cit.*, hal. 15, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 483, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 61.

Ḥa:l yang digugurkan ialah perkataan قَائِلِينَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ قَائِلِينَ maksudnya malaikat masuk **dalam keadaan berkata**: Salam sejahtera ke atas kamu. Ini kerana semasa malaikat masuk kepada orang-orang mukmin pasti akan menyebut kepada mereka ungkapan ini justeru tidak perlu disebut kata kerja yang menunjukkan ḥa:l yang digugurkan.¹⁴⁵

5.4.2.2 Pengguguran Ayat-ayat

Bentuk i:ja:z ḥadhf yang kedua ialah pengguguran satu ayat atau beberapa ayat.

Antara contoh pengguguran satu ayat ialah firman Allah (s.w.t):

وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ ط فَانفَجَرَتْ مِنْهُ
أَثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ط

Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: "Pukulah batu itu dengan tongkatmu", (**ia pun memukulnya**), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air... Surah al-Baqaraṭ (2):60.

Ayat yang digugurkan ialah ضَرَبْنَا فَانْفَجَرَتْ bermaksud "**lalu ia memukulnya**"
lantas terpancutlah....¹⁴⁶

Manakala bentuk ija:z ḥadhf yang melibatkan pengguguran beberapa ayat dalam al-Qur'an sangat banyak dan ia menjadi salah satu dalil i'ja:z al-Qur'a:n. Pengguguran beberapa ayat jarang digunakan oleh sasterawan Arab sama ada dalam syair atau

¹⁴⁵ al-Suyuṭiyy (1969), *op.cit.*, j. 2, hal. 326, _____ (1987), *op.cit.*, j. 2, hal. 81, al-Muṭ'aniyy (1992), *op.cit.*, j. 2, hal. 51, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 249, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 483, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 49

¹⁴⁶ al-Muṭ'aniyy (1992), *op.cit.*, j. 2, hal. 62, La:si:n (2009), *op.cit.*, hal. 253.

prosa.¹⁴⁷ Antara contoh pengguguran beberapa ayat ialah dalam kisah Yusuf (a.s).

Allah (s.w.t) berfirman:

وَجَاءَ إِخْوَةُ يُوسُفَ فَدَخَلُوا عَلَيْهِ فَعَرَفَهُمْ وَهُمْ لَهُ مُنْكَرُونَ (58) وَلَمَّا جَهَّزَهُمْ
بِحَبَابِهِمْ قَالَ أَتُنُونِي بِأَخٍ لَكُمْ مِّنْ أَبِيكُمْ ؕ أَلَا تَرَوْنَ أَنِّي أُوْفِي الْكَفِيلَ وَأَنَا خَيْرُ
الْمُنْزِلِينَ (59)

Dan (setelah tiba musim kemarau) datanglah saudara-saudara Yusuf (ke Mesir), lalu masuklah mereka mendapatkannya; Yusuf dengan serta merta kenal mereka, sedang mereka tidak mengenalnya. Dan ketika Yusuf menyediakan untuk mereka bekalan mereka, berkatalah ia:" (pada kali yang lain) bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa. Tidakkah kamu melihat, bahawa aku menyempurnakan bekalan makanan kamu, dan bahawa aku sebaik-baik penerima tetamu?
Surah Yu:suf (12):58-59

Dalam ayat di atas terdapat beberapa perkara yang menjadi persoalan kerana ia tidak disebut. Antara persoalan tersebut ialah:

(a) Apakah yang berlaku antara Yusuf (a.s) dan saudara kandungnya setelah mereka bertemu? Ayat menunjukkan Yusuf (a.s) mengenali mereka dan saudara kandungnya tidak mengenali beliau. Ayat juga menunjukkan terdapat fakta yang digugurkan iaitu **Yusuf tidak memperkenalkan dirinya kepada saudara kandungnya.**

(b) Antara Yusuf (a.s) mengenali mereka dengan baginda (a.s) meminta dari mereka untuk membawa adik-beradik sebapa, terdapat beberapa ayat digugurkan. Permintaan Yusuf (a.s) supaya membawa adik-beradik sebapa mereka menunjukkan terdapatnya ayat-ayat yang digugurkan iaitu “ **Setelah mereka masuk bertemu dengan Yusuf (a.s), mereka memperkenalkan diri mereka kepada Yusuf, mereka bercerita berhubung keluarga mereka dan menyebut perihal saudara mereka yang tidak datang lalu. Setelah mendengar penjelasan mereka...**” dan semasa Yusuf (a.s) menyediakan untuk mereka bekalan makanan **pada waktu yang lain** berkata: Bawalah saudara sebapa kamu...seperti yang dinyatakan dalam ayat 59 surah Yu:suf.. Ungkapan

¹⁴⁷ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 186-187, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 483.

Yusuf (a.s) yang meminta mereka membawa adik-beradik sebapa mereka, menunjukkan terdapatnya beberapa ayat yang digugurkan.¹⁴⁸

5.4.2.3 Fungsi-fungsi Pengguguran

Seperti yang dihuraikan dalam bab empat, pengguguran menjadi salah satu dalil i'jaz al-Qur'a:n. Dalam kajian ini penulis menyebut beberapa contoh fungsi pengguguran dalam al-Qur'an.

(a) Memudahkan pendengar kerana pendengar telah mengetahui perkataan atau ayat yang digugurkan. Pendengar telah mengetahuinya disebabkan beberapa faktor seperti jawapan kepada soalan, ungkapan tunjuk membantu pendengar untuk memahaminya atau pengguguran hanya layak bagi yang digugurkan.¹⁴⁹

Contohnya firman Allah (s.w.t):

عَلِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرِ الْمُتَعَالِ (9)

Dialah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah jua yang Maha besar, lagi Maha Tinggi (yang mengatasi segala-galanya).
Surah al-Ra'd (13):9

Dalam ayat ini subjek (mubtada') digugurkan kerana prediket menunjukkan kepada makna subjek. Pengguguran subjek dalam ayat di atas adalah disebabkan pendengar dan pembaca memang mengetahui bahawa ilmu berhubung perkara-perkara ghaib hanya diketahui oleh Allah (s.w.t).¹⁵⁰

(b) Membawa maksud menyeluruh atau maksud yang umum dan bukan membataskannya kepada perkara-perkara tertentu.¹⁵¹

¹⁴⁸ 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 485.

¹⁴⁹ al-Ra:ziyy (1985), *op.cit.*, hal. 140-141, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 177, 216, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 189, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 91-92, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 166-167.

¹⁵⁰ Fayyu:d (1986), *op.cit.*, _____ (1992), *op.cit.*, hal. 117, al-Muṭ'aniyy (1992), *op.cit.*, j. 2, hal. 34, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 179.

¹⁵¹ al-Saka:kiyy (1983), *op.cit.*, hal. 312, al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 131, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 294, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 169.

Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَاللَّهُ يَدْعُوًا إِلَىٰ دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (25)

(Itulah Dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu).

Surah Yu:nus (10):25.

Dalam ayat ini, objek (maf'u:l bih) bagi kata kerja *يَهْدِي* disebut iaitu *مَنْ يَشَاءُ* yang bermaksud Allah (s.w.t) memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tetapi objek bagi kata kerja *يَدْعُو* tidak disebut untuk menunjukkan makna yang umum iaitu sesiapa sahaja diseru ke syurga iaitu *عَوَّ كُلِّ أَحَدٍ* bermaksud "Dia menyeru setiap orang ke syurga".¹⁵²

(c) Jiwa penutur tidak stabil.¹⁵³

Penutur memendekkan percakapan kerana dia berada dalam situasi sedih atau susah hati atau terkejut seperti ucapan Sarah isteri kepada nabi Ibrahim (a.s) dalam firman Allah (s.w.t):

فَأَقْبَلَتِ امْرَأَتُهُ فِي صَرَخٍ فَصَكَتَتْ وَجْهَهَا وَقَالَتْ عَجُوزٌ عَقِيمٌ (29)

(Mendengarkan berita yang mengembirakan itu), maka datanglah isterinya sambil menjerit (kehairanan) lalu menepuk mukanya sambil berkata: "**Aku** sudah tua, lagi mandul, (bagaimana Aku boleh mendapat anak)?"
Surah al-Dha:riya:t(51):29.

Semasa mendengar berita bahawa Allah (s.w.t) akan mengurniakan zuriat kepada Ibrahim (a.s), Sarah terkejut dan tidak percaya lantas berkata: Sudah tua lagi mandul tanpa menyebut *أَنَا* yang merupakan subjek (mubtada:'). Pengguguran adalah disebabkan penutur iaitu Sarah terkejut mendengar berita yang mengembirakan dan

¹⁵²al- Saka:kiyy (1983), *op.cit.*, hal.109-110, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 236, Qaṣṣa:b (2000), *op.cit.*, hal.113, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 294, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 170.

¹⁵³Fayyu:d (1986), *op.cit.*, hal. 99-100, _____(1992), *op.cit.*, hal. 116.

menganggap suatu yang mustahil dia dapat melahirkan anak dalam keadaan mandul; usia sudah tua dan suaminya juga sudah tua.¹⁵⁴

(d) Fokus pada peristiwa yang berlaku.

Antara fungsi pengguguran ialah memberi fokus kepada peristiwa. Pelaku dalam peristiwa bukan menjadi tujuan. Contohnya dalam ayat-ayat berikut:

Firman Allah(s.w.t):

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ نَفْحَةً وَاحِدَةً (13) وَحُمِلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً
وَاحِدَةً (14)

Kemudian (ketahuilah bahawa) apabila **ditiup** sangkakala dengan sekali tiup. Dan bumi serta gunung-ganang **diangkat** (dari tempatnya) lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur.

Surah al-Ha:qqah (69):13-14

Firman Allah (s.w.t):

يَوْمَ تَبْدُلُ الْأَرْضَ غَيْرَ الْأَرْضِ وَالسَّمَوَاتِ^ط وَبَرَزُوا لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْقَهَّارِ (48)

(Ingatlah) masa hari bumi ini **diganti** dengan yang lain, demikian juga langit; dan manusia semuanya keluar berhimpun mengadap Allah, yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa.

Surah Ibra:hi:m (14):48

Firman Allah (s.w.t):

وَسِيقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا^ط (71)

Dan orang-orang kafir akan **dihalau** ke neraka jahannam dengan berpasuk-pasukan.

Surah al-Zumar(39):71

Firman Allah (s.w.t):

وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَىٰ الْجَنَّةِ زُمَرًا^ط (73)

Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan **dibawa** ke syurga dengan berpasuk-pasukan.

Surah al-Zumar(39):73

Dalam ayat-ayat yang disebut pelaku digugurkan. Fungsi pengguguran di sini ialah menarik perhatian kata ganti diri kedua (مُرَاتَبٌ) kepada peristiwa besar tanpa

¹⁵⁴ Fayyud (1986), *op.cit.*, hal. 99-100, La:si:n (2009), *op.cit.*, hal. 152.

menyebut pelaku kepada peristiwa-peristiwa tersebut. Siapa yang meniup sangka kala, siapa yang mengangkat gunung dan menghancurkannya, siapa yang mengganti bumi dengan bumi lain, siapa yang membawa orang kafir ke neraka, siapa yang membawa orang bertaqwa ke syurga bukanlah fungsi utama berita. Fungsi utama ialah menarik perhatian kepada peristiwa yang berlaku.¹⁵⁵

(e) Menunjukkan kesopanan semasa bercakap.

Antara fungsi pengguguran ialah menunjukkan kesopanan semasa bercakap. Contohnya, perkataan tertentu digugurkan kerana tidak wajar untuk menyebut perkara tersebut di hadapan pendengar atau sasaran seperti dalam firman Allah (s.w.t):

وَالضُّحَىٰ (1) وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ (2) مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ (3)

Demi waktu dhuha, dan malam apabila ia sunyi-sepi, (bahawa) Tuhanmu (Wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan ia tidak benci **(kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik)**.

Surah al-Ḍuḥa (93):1-3

Menurut beberapa sarjana seperti al-Saka:kiyy, al-Qazwi:niyy, al-Zarkasyiyy, al-Suyu:ṭiyy dan La:syi:n, objek (maf'u:l bih) bagi kata kerja قَلَى tidak disebut kerana menjaga fa:ṣilaṭ¹⁵⁶. Penulis berpendapat pengguguran ini bukanlah disebabkan faktor fa:ṣilaṭ semata-mata kerana pengguguran tersebut berkaitan dengan makna. Setelah menganalisis pandangan sarjana, penulis memilih sebab yang diterangkan oleh al-Sya'ra:wiyy, al-Muṭ'aniyy, 'Abba:s, Binti al-Sya:ṭi' dan Khalu:f. Perbuatan وَدَّعَكَ mengucapkan selamat tinggal adalah merupakan perkara yang biasa dalam adat manusia, maka al-Qur'an menyebut objek (maf'u:l bih) kamu وَدَّعَكَ. Oleh kerana perbuatan benci memberi gambaran negatif, sekalipun ayat menafikan, maka perkataan

¹⁵⁵ 'Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 277-278.

¹⁵⁶ al-Saka:kiyy (1903), *op.cit.* hal. 54, 129, al-Zarkasyiyy (1994), j. 3, *op.cit.*, hal. 238, La:syi:n (2009), *op.cit.*, hal. 158.

kamu tidak wajar disebut kepada Nabi Muhammad (s.a.w) yang menjadi objek dalam ayat ini.¹⁵⁷

Fungsi pengguguran ini tidak terbatas kepada sebab-sebab yang telah dinyatakan. Fungsi ini berkait rapat dengan konteks ayat. Penulis menyebut sebab-sebab di atas adalah sebagai contoh kepada i'jaz al-Qur'a:n dalam pengguguran.¹⁵⁸

5.4.3 I:ja:z Qaşr

I:ja:z qaşr bermaksud lafaz yang sedikit yang mengandungi maksud yang banyak tanpa berlakunya pengguguran.¹⁵⁹ Al-Zarkasyiyy pula menamakan istilah ini dengan waji:z bi al-Lafz.¹⁶⁰ Menurut Ibn al-Athi:r i:ja:z qaşr merupakan peringkat i:ja:z yang paling tinggi. Ia terdapat pada kata-kata segelintir ahli balaghah dan banyak digunakan di dalam al-Qur'an.¹⁶¹

Menurut al-Ja:hi:z, antara keistimewaan al-Qur'an ialah satu perkataan yang ringkas mengandungi maksud yang panjang apabila dihurai. Apabila penutur biasa cuba untuk mengungkap makna yang disampaikan oleh al-Qur'an, dia perlu menyampaikannya dengan lafaz yang lebih panjang.¹⁶² Antara contoh i:ja:z Qaşr ialah firman Allah (s.w.t.):

وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَلَهَا (30) أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَاهَا (31)

¹⁵⁷ al-Sya'ra:wiyy (1991), *op.cit.*, j. 15, hal. 9144, al-Muṭ'aniyy (1992), *op.cit.*, j. 2, hal. 59-60, Bint al-Sya:ti:(2004), *op.cit.*, j. 1, hal. 34-35, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 295-296, Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal.186.

¹⁵⁸ Lihat untuk mengetahui i'jaz al-Qur'a:n dari segi pengguguran dalam al-Sa:marra:iyy (1998), *op.cit.*, hal.74-124 dan Khalu:f (2009), *op.cit.*, hal. 165-190.

¹⁵⁹ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 173., 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 487.

¹⁶⁰ al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 291.

¹⁶¹ Ibn Athi:r (1979), *op.cit.*, hal. 217.

¹⁶² al-Ja:hi:z (t.t), *op.cit.*, j. 2, hal. 1.

Dan bumi sesudah itu dihamparkannya (untuk kemudahan penduduknya), ia mengeluarkan dari bumi itu: airnya dan tumbuh-tumbuhannya.

Surah al-Na:zi' at (79):30-31

Dua perkataan iaitu **الْمَاء** (air) dan **الْمَرْعَى** (tumbuhan) dalam ayat di atas menghimpunkan yang keluar dari bumi berupa makanan asasi mahupun makanan-makanan untuk makhluk meliputi rumput-rumpai, pokok-pokok, buah-buahan, pokok yang tidak berbatang seperti pokok tembikai, timun, dan labu; sayur, api dan garam.¹⁶³

Huraian ini jelas sekali menunjukkan i:ja:z sebagai salah satu bentuk keindahan bahasa Arab lebih-lebih lagi jika disebut di dalam al-Qur'an maka ia menjadi salah satu dari dalil i' ja:z al-Qur'an.

5.5 Iṭna:b

Iṭna:b merupakan salah satu cara untuk mengungkapkan apa yang tersirat di hati dan merupakan lawan kepada i:ja:z. Dalam bab ini penulis akan menghuraikan konsep iṭna:b, bentuk-bentuk iṭna:b serta fungsi balaghahnya yang menjadi salah bukti kepada i'ja:z baya:niyy.

5.5.1 Definisi Iṭna:b

Iṭna:b dari segi bahasa berasal dari kata kerja **أَطْنَبَ** menunjukkan maksud panjang, banyak dan tambahan. **أَطْنَبَ النَّهْرُ** bermaksud sungai yang panjang salirannya, **أَطْنَبَ الدَّوَابُّ** bermaksud angin yang bertiup kencang membawa debu, **أَطْنَبَ الرِّيحُ**

¹⁶³ al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 3, hal. 297.

bermaksud berjalan berderet, **عُطِبَ فِي الْكَلَامِ** bercakap dengan panjang lebar atau bercakap banyak.¹⁶⁴

Terdapat pelbagai definisi diberikan oleh sarjana berhubung *itna:b* namun maksudnya hampir sama. Ibn al-Athi:r mendefinisikan *itna:b* sebagai penambahan lafaz ke atas makna untuk faedah.¹⁶⁵ Definisi ini diterima pakai oleh sarjana-sarjana yang datang kemudian seperti al-Ha:syimiyy (m 1362H), al-Mara:ghiyy (m 1945M) dan ‘Abba:s (m 2011M).¹⁶⁶

al-Rumma:niyy membezakan antara empat istilah yang berkaitan dengan *itna:b*.

Menurutnya:

إِلَّا يَجَازُ تَبْلَاغَهُمْ لِيَهِيَ الْمَعْنَى، وَالتَّقْصِيرُ عِيٌّ، وَالْإِطْنَابُ تَفْصِيلٌ لِعَرَضٍ
وَفَائِدَةٍ، وَالتَّطْوِيلُ إِطَالَةُ الْكَلِمِ كَدُونَ فَائِدَةٍ مَرْجُوَّةٍ.

I:ja:z adalah merupakan balaghah kerana dengannya maksud sempurna, taqsi:r merupakan satu kecacatan, *itna:b* merupakan penjelasan untuk sesuatu tujuan atau faedah manakala tambahan sesia (tatwi:l) merupakan pertuturan yang panjang tanpa ada sebarang tujuan yang diharapkan.¹⁶⁷

Daripada definisi-definisi yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa *itna:b* ialah penambahan ungkapan dari maksud utama yang ingin disampaikan. Penambahan ini mengandungi mesej tambahan yang ingin disampaikan oleh penutur.

5.5.2 Bentuk-bentuk *Itna:b*

Para sarjana balaghah telah menyebut pelbagai bentuk *itna:b*. Bentuk-bentuk ini dirumuskan oleh al-Qazwi:niyy dalam karyanya al-Talkhi:ş. Antara bentuk-bentuk tersebut ialah:

¹⁶⁴ Ibn Manzu:r (1994), *op.cit.*, j.1, hal. 562.

¹⁶⁵ Ibn al-Athi:r (1979), *op.cit.*, hal. 128.

¹⁶⁶ al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 191, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 190, ‘Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 498.

¹⁶⁷ al-Rumma:niyy (1968), *op.cit.*, hal. 80.

- (a) Penjelasan kesamaran (الإيضاحُ بعدَ الإبهامِ)
- (b) Tawsyi' (التَّوَشِيْعُ)
- (c) Ungkapan khusus selepas Am (ذِكْرُ الْخَاصِّ بَعْدَ الْعَامِّ)
- (d) Pengulangan untuk faedah (التَّكْرِيْرُ لِنُكْتَةٍ)
- (e) I:gha:l (الإِيْغَالُ)
- (f) Susul ulas (التَّنْذِيْبُ)
- (g) Takmi:l (التَّكْمِيْلُ) atau ihtira:s (الاحْتِرَاسُ)
- (h) Tatmi:m (التَّتْمِيْمُ)
- (i) Ungkapan sisip (الإِعْتِرَاضُ)
- (j) Tujuan-tujuan lain.¹⁶⁸

Berikut adalah huraian kepada bentuk-bentuk itna:b yang telah disebut:

5.5.2.1 Penjelasan Kesamaran

Penjelasan kesamaran bermaksud penutur menyebut sesuatu yang samar kemudian penutur menjelaskan kesamaran tersebut.¹⁶⁹ Antara fungsi balaghah penjelasan kesamaran ialah menarik perhatian pendengar untuk mendengar dengan lebih mendalam. Contohnya firman Allah (s.w.t):

فَوَسْوَسَ إِلَى الشَّيْطَانِ

Setelah itu maka syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya...

Surah Ṭa:ha:(20) :120.

¹⁶⁸ al-Qazwi:niyy (1904), *op.cit.*, hal. 208-222.

¹⁶⁹ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 66.

Apabila seseorang membaca: Syaitan membisikkan, tertanya apakah yang dibisikkan oleh syaitan? Jawabannya diterangkan oleh Allah (s.w.t):

قَالَ يَتَّكِدُمْ هَلْ أَذْكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ

Syaitan berkata: "Wahai Adam, mahukah, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?"

Surah Ta:ha:(20):120.¹⁷⁰

Termasuk dalam bentuk itna:b penjelasan kesamaran ialah memperincikan selepas penyebutan secara menyeluruh (التَّفْصِيلُ بَعْدَ الْإِجْمَالِ) contohnya firman Allah (s.w.t):

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, **di antaranya empat bulan yang dihormati.**
Surah al-Tawbat (9):36

Ayat ini dimulakan menyebut suatu yang menyeluruh iaitu dua belas bulan kemudian disebut suatu yang terperinci iaitu empat bulan yang dihormati.¹⁷¹

Termasuk juga dalam kategori penjelasan kesamaran, memulakan dengan menyebut suatu yang terperinci diikuti suatu yang umum (الْإِجْمَالُ بَعْدَ التَّفْصِيلِ) seperti firman Allah (s.w.t):

وَوَاعَدْنَا مُوسَىٰ ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَمْنَا بِعَشْرِ فِتْمٍ مِيقَاتِ رَبِّهِ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

Dan Kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, **lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam.**

Surah al-A'ra:f (7):142

¹⁷⁰ 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 500.

¹⁷¹ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 67-68.

Ayat رَبَّارَبَعِينَ لَيْلَةً¹⁷² "atau disempurnakan empat puluh malam" adalah dalam bentuk yang menyeluruh selepas penyebutan secara terperinci iaitu وَوَعَدْنَا مُوسَىٰ
 لَيْلَةَ أَتَمَمْنَاهَا بِعَشْرِ
 ثَلَاثِينَ¹⁷³ Kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk
 memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya
 dengan sepuluh untuk menolak sangkaan sepuluh hari tambahan adalah termasuk
 dalam tiga puluh hari yang telah disebut.¹⁷²

5.5.2.2 Tawsyi:'

Ianya bermaksud menyebut dua perkara di awal ayat kemudian diikuti tafsirannya yang disebut secara 'atf¹⁷³ seperti sabda Nabi (s.a.w):

يَهْرَمُ ابْنُ آدَمَ يَشْبُ مِنْهُ اثْنَانِ الْحَرِصُ عَلَىٰ الْغَايَةِ وَالْوَدَّارُ صُ عَلَىٰ الْعُمُرِ
 Seseorang anak Adam itu semakin tua, tetapi sentiasa muda dalam
 dua perkara: Mencari harta dan ingin terus hidup.¹⁷⁴

5.5.2.3 Ungkapan Khusus Selepas Am

Antara bentuk itna:b ialah menyebut yang khusus selepas umum untuk menunjukkan kelebihan yang khusus seperti dalam firman Allah (s.w.t):

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ

Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) **segala sembahyang fardu, khususnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar)** Surah al-Baqaraṭ (2):238

Dalam ayat di atas penyebutan solat Asar (wusta) adalah sebanyak dua kali. Kali pertama dalam penyebutan yang umum "Peliharalah solat". Solat wusta merupakan

¹⁷² al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 68.

¹⁷³ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 197, al-Mara:ghiyy (1993), *op.cit.*, hal. 193, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 191, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 500.

¹⁷⁴ Hadith riwayat Imam Muslim, Kitab al-Zaka:t, Bab Kara:haṭ al-Hiṣṣ 'Ala al-Dunya, no. hadith 115.

salah satu dari solat ini dan disebut kali kedua untuk menarik perhatian dan menyatakan kebesaran solat wusṭa.¹⁷⁵

Antara bentuk itna:b ialah ungkapan am selepas khusus iaitu menyebut sesuatu yang umum selepas menyebut sesuatu yang khusus. Firman Allah (s.w.t):

إِنْ تَتُوبَا إِلَى اللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا وَإِنْ تَظَاهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ
وَجِبْرِيلُ وَصَلِحُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمَلَائِكَةَ بَعْدَ ذَلِكَ ظَهِيرٌ (4)

Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah (Wahai isteri-isteri Nabi, maka itulah yang sewajibnya), kerana Sesungguhnya hati kamu berdua telah cenderung (kepada perkara yang menyusahkan Nabi); dan jika kamu berdua saling membantu untuk (melakukan sesuatu yang) menyusahkannya, (maka yang demikian itu tidak akan berjaya) kerana sesungguhnya Allah adalah pembelanya; dan selain dari itu **Jibril** serta orang-orang yang soleh dari kalangan orang-orang yang beriman dan **malaikat-malaikat** - juga menjadi penolongnya.

Surah al-Taḥrīm (66) :4

Ayat di atas ditujukan kepada dua orang daripada isteri Nabi (s.a.w). Di hujung ayat Allah (s.w.t) menyebut Jibril terlebih dahulu; suatu yang khusus kemudian baru disebut yang umum iaitu malaikat-malaikat. Penyebutan yang khusus sebelum umum bertujuan menunjukkan keutamaan Malaikat Jibrail dan kedudukannya yang agung di sisi Allah (s.w.t).¹⁷⁶

5.5.2.4 Pengulangan

Antara bentuk itna:b ialah pengulangan yang membawa faedah. Faedah-faedah tersebut berbeza mengikut konteks seperti menegaskan peringatan, mencela dan menghamun dan menghilangkan kekaburan.¹⁷⁷ Antara objektif pengulangan ialah penegasan, menambah galakan untuk memaafkan, menambah kefahaman, meminta

¹⁷⁵ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 197-198, al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 69, al-Ha:shimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 191, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 504.

¹⁷⁶ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 71.

¹⁷⁷ Mukhlas (2005), *op.cit.*, hal. 401, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 504.

kasihan belas dari pendengar untuk menerima ucapan dan berseronok menyebutnya.¹⁷⁸

Contohnya pengulangan ayat di bawah dalam surah al-Rahma:n :

فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكذِّبَانِ

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (Wahai umat manusia dan jin)?

Ayat di atas diulang-ulang untuk mengingatkan supaya bersyukur atas nikmat-nikmat yang telah disebut¹⁷⁹ walaupun sebahagian dari nikmat tersebut disebut dalam bentuk yang tersirat seperti firman Allah (s.w.t):

يَطُوفُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ حَمِيمٍ آءِ انِ (44)

Mereka (terus disiksa) berulang-ulang di antara api neraka dengan air yang menggelegak yang cukup masak panasnya!

Surah Al-Rahma:n(55):44

Ayat ini menyentuh azab neraka, persoalannya apakah wajar disebut: “Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?.” Penjelasannya, walaupun ayat ini menyebut azab tetapi ia mengandungi maksud nikmat apabila kita memerhatikan kepada ayat ini lantas seseorang tidak berani untuk melakukan perbuatan maksiat.¹⁸⁰

5.5.2.5 Susul Ulas

Antara bentuk itna:b ialah susul ulas (tadhyi:l) iaitu menyebut ayat yang lain selepas satu ayat yang mempunyai maksud yang sama bertujuan menegaskan ayat yang pertama.¹⁸¹ Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا (81)

Dan katakanlah:" Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); Sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap".

Surah al-Isra:’(17):81

¹⁷⁸ al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 191-192.

¹⁷⁹ ‘Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 505.

¹⁸⁰ ‘Abd al-Jabba:r (1960), *op.cit.*, j. 16, hal. 409.

¹⁸¹ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 200, Mukhlas (2005), *op.cit.*, hal. 401, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal.194, ‘Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 510.

Ayat ini terdiri dari ayat:

- (a) Telah datang kebenaran dan hilang lenyaplah perkara yang salah.
- (b) Sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap.

Ayat sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap menjadi penegas kepada ayat yang pertama.¹⁸²

5.5.2.6 Takmi:l

Takmi:l bermaksud menyebut dalam percakapan sesuatu yang membayangkan maksud sebaliknya."¹⁸³ Contohnya firman Allah (s.w.t):

وَأَدْخِلْ يَدَكَ فِي جَيْبِكَ تَخْرُجَ بَيْضًا مِّنْ غَيْرِ سُوءٍ

"Dan masukkanlah tanganmu melalui belahan dada bajumu, nescaya keluarlah ia putih bersinar-sinar dengan tidak ada cacat...

Surah al-Naml(27):12

Ayat tanganmu akan keluar putih (رُجٌ بَيْضَاءٌ) membayangkan tangan putih disebabkan oleh penyakit sopak lalu al-Qur'an menyebut غَيْرِ سُوءٍ tanpa ada kecatatan untuk menolak tanggapan yang salah.¹⁸⁴

5.5.2.7 Tatmi:m

Tatmi:m bermaksud mendatangkan suatu tambahan yang berfaedah dalam ucapan yang tidak membayangkan maksud sebaliknya."¹⁸⁵ Contohnya firman Allah (s.w.t):

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا

Maha suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari...

Surah al-Isra: (17):1

Dalam ayat di atas perkataan أَسْرَىٰ bermaksud menjalankan pada waktu malam, maka penyebutan perkataan لَيْلًا dalam ayat ini merupakan satu bentuk tatmi:m.

¹⁸² al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 68, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 510.

¹⁸³ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 203, al-Ha:syimiyy (2006), *op.cit.*, hal. 195.

¹⁸⁴ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, j. 2, hal. 85.

¹⁸⁵ al-Qazwi:niyy (t.t), *op.cit.*, hal. 205, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 516.

Tujuannya ialah menunjukkan perjalanan pergi dan balik yang singkat serta menunjukkan malam suatu anugerah kepada sebahagian hambanya.¹⁸⁶

5.5.2.8 Ungkapan Sisip

Antara bentuk *iṭna:b* ialah ungkapan sisip (*i'tira:d*). Ungkapan sisip bermaksud satu ayat atau lebih yang didatangkan di tengah percakapan atau di antara dua percakapan yang berkaitan makna dan tidak mempunyai posisi *i'ra:b* (fleksi) dengan tujuan balaghah seperti ucapan: *بِحَمْدِ اللَّهِ وَأَحْسِنُ*¹⁸⁷ Para sarjana balaghah telah menyebut beberapa tujuan ungkapan sisip. Menurut Mohd Nazmi (2008), terdapat sebanyak empat belas fungsi balaghah bagi ayat-ayat ungkapan sisip (*i'tira:d*) iaitu penegasan, celaan, dorongan, penerangan dan penjelasan, mengambil berkat, pembersihan, penafian dan penolakan, penyucian, menagih simpati dan merendah diri, peringatan, memberi alasan, peneguhan dan muba:laghat, amaran dan campur aduk makna.¹⁸⁸ Antara contoh ungkapan sisip ialah firman Allah (s.w.t):

قَالَ سَتَجِدُنِي إِِنْ شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا وَلَا أَعْصِي لَكَ أَمْرًا (69)

Nabi Musa berkata: "Engkau akan dapati aku, **Insvaa Allah**: orang yang sabar; dan aku tidak akan membantah sebarang perintahmu".

Surah al-Kahf(18):69

Ungkapan sisip (*i'tira:d*) insya Allah dalam ayat ini bertujuan mengambil berkat kerana mengaitkan keadaan diri dengan kehendak Allah (s.w.t) yang berkuasa mencipta sabar dan menganugerahkan sabar kepada hamba-hamba-Nya.¹⁸⁹

¹⁸⁶ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 89.

¹⁸⁷ al-Mayda:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 80, Mohd Nazmi Desa (2008), *op.cit.*, hal. 25, 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 519.

¹⁸⁸ Mohd Nazmi bin Desa (2008), *op.cit.*, hal. vi.

¹⁸⁹ Mohd Nazmi bin Desa (2008), *op.cit.*, hal. 173.

5.5.2.9 Meletakkan Kata Nama Zahir Pada Tempat Ganti Nama

Antara bentuk *iṭna:b* ialah meletakkan kata nama zahir pada tempat kata ganti diri. Penyebutan kata nama zahir tersebut mempunyai pelbagai tujuan seperti dalam firman Allah (s.w.t):

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِي اللَّهُ وَمَنْ مَعِيَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ يُجِيرُ الْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ

Tanyalah (Wahai Muhammad, kepada mereka): "Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku dan orang-orang yang bersama-sama denganku (sebagaimana yang kamu harap-harapkan), atau ia memberi rahmat kepada Kami (sehingga Kami dapat mengalahkan kamu), - maka siapakah yang dapat melindungi **orang-orang yang kafir** dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?".

Surah al-Mulk (67):28

Asalnya **الْكَافِرِينَ** tetapi al-Qur'an menggunakan kata nama zahir **الْكَافِرِينَ** untuk menjelaskan sebab di azab ialah kekufuran.¹⁹⁰

5.6 Penutup

Bab ini menghuraikan *i'ja:z* al-Qur'a:n yang dapat dibuktikan melalui struktur ayat al-Qur'an. Ayat dalam bahasa Arab ditegaskan dengan 13 partikel penegasan. Penggunaan penegasan dalam al-Qur'an adalah untuk tujuan pengkhususan, meletakkan sasaran yang yakin diposisi sasaran yang meragui, menegaskan pernyataan dalam jiwa penutur, menegaskan perjanjian, menghilangkan ketakutan serta membayangkan apa yang tersirat di hati penutur.

¹⁹⁰ 'Abba:s (2009), *op.cit.*, hal. 524.

Penggunaan gaya bahasa pengekhasan (ta'rif) datang dalam pelbagai bentuk iaitu kata ganti nama, kata nama khas, kata nama petunjuk, kata nama mawṣu:l, alif-la:m dan ida:fat. Antara fungsi gaya bahasa ta'rif dalam al-Qur'an ialah memuji, mengagungkan, memandang rendah, menarik perhatian, membezakan, memperkenalkan, menyindir kebodohan, menyindir, sebab penetapan sesuatu hukum dan menyatakan kebanggaan. Gaya bahasa tanki:r pula digunakan untuk menunjukkan penutur tidak berniat untuk menentukan pelaku, menyelamatkan individu, menunjukkan sesuatu yang banyak atau sedikit, mengagungkan serta merendahkan.

Penggunaan i:ja:z pula berfungsi memudahkan pendengar, membawa mesej yang menyeluruh, penutur tidak bersedia untuk memanjangkan ucapannya, fokus pada peristiwa yang berlaku dan bersopan semasa bertutur. Itna:b pula berfungsi menjelaskan kesamaran, menunjukkan kelebihan, menghilangkan kekaburan, mencela dan menghamun, menambah kefahaman, meminta belas kasihan, berseronok menyebutnya, memberi amaran dan menjelaskan sebab.